

# MALAYSIA *in History*



VOLUME FIFTEEN \* NUMBER TWO \* DECEMBER 1972

Price to non-members \$1.50

Majalah ini diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia

SIDANG PENGARANG

<i>Pengarang &amp; Pengerusi</i>	Prof. Zainal Abidin bin Abdul Wahid
<i>Setiausaha</i>	Encik J.S. Henry
<i>Pengurus</i>	Encik Mahfudz bin Abdul Hamid
<i>Ahli-ahli</i>	Dr. J. Chandran
	Encik Khoo Kay Kim
	Encik Mohd. Amin bin Hj. Hassan
	Encik Ahmad bin Hj. Saleh

*Sila alamatkan surat-menyurat berkenaan dengan soal makalah kepada:*

Pengarang,  
Malaysia In History,  
Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Kuala Lumpur 22-07.

*Sila alamatkan surat-menyurat berkenaan dengan pesanan atau langganan kepada:*

Pengurus,  
Malaysia In History,  
d/a Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Peti Surat 803,  
Kuala Lumpur.

*Gambar Kulit:* Lambang Persatuan Sejarah Malaysia

# MALAYSIA *in History*



VOLUME XV \* NUMBER 2 \* DECEMBER 1972  
KDN 5903

A MAGAZINE PUBLISHED BY THE MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

## CONTENTS

\*\*\*

	<i>Page</i>
<i>Sabihah bt. Osman</i>	
Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas: Satu Tinjauan Sejarah . . . . .	3
<i>M.A. Fawzi Mohd. Basri</i>	
Datuk Sri Amar Diraja : Penghalang Cita-cita Inggeris Menakluk Negeri Johor. . . . .	14
<i>William Shaw &amp; Md. Kassim Hj. Ali</i>	
Currency In East Malaysia . . . . .	21
<i>Dr. J. Chandran</i>	
Jatuhnya Kubu Jeram Ampai Pada 1894: Satu Peristiwa Penting Dalam Sejarah Pahang . . . . .	29
<i>Rahmat bin Saripan</i>	
Kelantan Menjelang Awal Kurun Kesembilan Belas: Satu Tinjauan Ringkas . . . . .	39

Access No:	58/82
Class. No:	



# KEADAAN MASYARAKAT BUMIPUTERA SARAWAK PADA ABAD KELAPAN BELAS DAN AWAL ABAD KESEMBILAN BELAS: SATU TINJAUAN SEJARAH

oleh

Sabihah bt. Osman

*Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

Untuk mengetahui sejarah Sarawak pada kurun XVIII dan awal Kurun XIX, perlu dirujuk terlebih dahulu kepada sejarah Brunai. Catatan-catitan awal berkaitan dengan negeri Brunai telah ditemui dalam tulisan orang-orang Cina dari abad kesembilan lagi. Tetapi keterangan yang jelas mengenai negeri itu hanya diperolehi pada awal abad keenam belas apabila ekspedisi Magellan mengelilingi dunia singgah di bandar Brunai pada tahun 1521.<sup>1</sup> Salah seorang anggota dalam penjelajahan itu ialah Antonio Pigafetta, ketua Kronikel (Juru-tulis) dalam Pelayaran Magellan. Pigafetta telah membuat catitan dan rekod-rekod yang menunjukkan Brunai sebagai sebuah empayar yang kuat, kaya dan makmur. Pada masa itu Brunai telah menguasai satu kawasan yang luas tanpa had sempadan tertentu iaitu selatan dari Sarawak hinggalah ke satu kawasan jauh ke utara sampai ke Manila, ibukota Filipina sekarang.<sup>2</sup> Selepas tarikh itu, kira-kira pertengahan abad XVI hingga abad XIX Brunai mengalami zaman keruntuhan. Kelemahan kesultanan Brunai telah menyebabkan ia tidak dapat menguasai jajahan takluknya. Segala arahan dan perintah Sultan tidak lagi dipatuhi. Keadaan yang lemah ini telah membuka peluang kepada

wilayah-wilayah jajahan Brunai untuk menuntut kebebasan. Sedikit demi sedikit Brunai kehilangan kuasa politik di samping keruntuhan ekonomi akibat kedatangan orang-orang Barat Portugis dan Sepanyol dan dasar monopoli Belanda. Keadaan bertambah buruk apabila kepincangan ekonomi perdagangan cuba diganjarkan dengan kutipan cukai yang berlebihan dari rakyat. Tindakan ini telah membolehkan beberapa pemberontakan kecil.

Salah sebuah jajahan Brunai yang menggunakan kesempatan seperti ini ialah Sarawak. Sarawak terletak di barat laut Pulau Borneo dan pada masa itu telah didiami oleh bumiputera yang terdiri daripada orang-orang Melayu dan Dayak dan sebilangan kecil orang-orang Cina. Kebanyakan orang-orang Melayu tinggal di tepi-tepi pantai dan di lembah sungai di Sarawak seperti Sungai Sarawak, Santubung, Lembah Sungai Saribas dan Skrang. Sementara itu orang-

- 
1. W.H. Treacher, "British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo," JSBRAS, no. 20, 1889, Singapore, ms. 26.
  2. H.R. Hughes Hallet, "A Sketch of the History of Brunei," JMBRAS, Vol. 18, No. 2, Aug. 1940, Singapore, ms. 27.

orang Dayak pula mendiami daerah-daerah pedalaman dan juga di lembah-lembah sungai Sarawak, Skrang, Saribas dan Batang Lupar.<sup>3</sup> Kebanyakan orang-orang Cina pula tinggal di Bahagian Pertama sekarang, terutama di Bau. Mereka menjalankan aktiviti perlombongan dan perdagangan secara kecil-kecilan.

Walaupun Sarawak merupakan salah sebuah wilayah kesultanan Berunai sebelum dijajah oleh Raja Putih Brooke pada tahun 1841,<sup>4</sup> tetapi seperti mana wilayah-wilayah Berunai yang lain Sarawak adalah sebuah negeri yang bersungai-sungai dan punyai kuasa otonomi sendiri. Tiap-tiap sungai atau daerah di (bawah), kuasa seorang pembesar Berunai. Perhubungan Sarawak dengan Berunai dari segi politik adalah lemah, berbeza di antara sebatang sungai dan lainnya. Demikian juga dengan darjah kekuatan pengaruh Berunai sebenarnya ke atas penduduk-penduduk Sarawak. Apa yang penting bagi kuasa Berunai ialah mengawal sungai-sungai dan penduduk-penduduk yang menghuni di situ.<sup>5</sup> Sebagaimana penempatan masyarakat Melayu tradisi, penduduk-penduduk Sarawak tinggal di sepanjang sungai atau anak-anak sungai. Sungai merupakan tumpuan utama kepada kekuasaan politik dan pusat perdagangan. Sungai memainkan peranan penting sebagai urat nadi perhubungan pentadbiran dan perdagangan. Tiap-tiap sungai dianggap sebagai daerah dan tiap-tiap daerah ditadbirkan oleh seorang wakil Kerajaan Berunai. Pentadbir-pentadbir ini adalah terdiri daripada pengeran-pengeran dan Sherif-sherif.<sup>6</sup> Dengan itu kita dapati daerah-daerah Muka, Oya

dan Kucing ditadbirkan oleh pengeran-pengeran sementara daerah Batang Lupar, Skrang dan Saribas diperintah oleh Sherif-sherif yang dianggap berketurunan Arab. Di bawah pengeran dan Sherif terdapat ketua-ketua tempatan yang dilantik oleh sultan untuk menjalankan segala arahan di tempat-tempat mereka seperti memungut cukai. Sungguhpun ketua-ketua tempatan Melayu itu mengakui kedaulatan kesultanan Berunai, tetapi ketua-ketua ini bebas menjalankan kuasa mereka dan arahan-arahan jarang yang dipatuhi. Hanya sebahagian kecil daripada jumlah tukai yang sampai ke tangan Kerajaan Berunai. Selain daripada orang-orang Melayu, ketua-ketua tempatan dilantik juga dari kalangan masyarakat Dayak. Ketua-ketua ini biasanya disebut menteri darat. Tugasnya ialah mengutip cukai dan menyampaikan arahan perintah ketua-ketua di atasnya. Ketua-ketua ini kadang-kadang digelar Temenggung atau Orang Kaya. Jawatan ini adalah khusus mengenai hal-hal tempatan dan tidak berkisar atau berkaitan di sekitar Empayar Kesultanan Berunai.<sup>7</sup>

---

3. G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo*, Donald Moore Press Ltd., Singapore, 1967, ms. 73

4. H. Low, "Selesilah" (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei, JSBRAS, no. 5, 1880, ms. 2

5. D. Brown, "Socio-Political History of Brunei, A Borneon Malay Sultanate," Ph.D. Thesis, Cornell University, Sept. 1969, ms. 164-170.

6. *Ibid*, ms. 164.

7. D. Brown, *Ibid*, ms. 16.

Di daerah-daerah yang ramai diduduki oleh orang-orang Dayak, pembesar-pembesar Berunai keturunan Arab lebih berpengaruh daripada pembesar-pembesar Melayu. Mereka-mereka ini seperti Sherif Usman dan Sherif Mullah yang memerintah Saribas dan Skrang telah dapat mempengaruhi penduduk-penduduk di daerah itu menjadi pengikut mereka dalam aktiviti perlanunan.<sup>8</sup> Sifat orang-orang Dayak yang suka melakukan perburuan kepala dan menganas di pantai-pantai adalah secukupnya dengan peranan ketua-ketua Arab dan pengeran-pengeran Berunai dalam mengetuai aktiviti-aktiviti perlanunan. Aktiviti-aktiviti perlanunan dan perdagangan hamba abdi berleluasa di sekitar perairan Borneo pada abad Kelapan Belas dan Kesembilan Belas. Keadaan demikian berlaku akibat kedatangan orang-orang Barat yang meruntuhkan sistem politik dan perdagangan kesultanan Berunai. Sebelum kedatangan orang-orang Barat, pembesar-pembesar Melayu dan Arab Berunai telah memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan dan politik. Kehilangan kuasa dalam kedua-dua lapangan itu telah menyebabkan pembesar-pembesar itu aktif dalam aktiviti perlanunan dan perdagangan hamba abdi. Ini diikuti pula dengan beberapa pertempuran antara sungai atau daerah. Kemuncak daripada pertempuran-pertempuran yang berlaku di Sarawak ialah meletusnya satu pemberontakan pada tahun 1836 dalam mana datu-datu Melayu dan Pengeran Usop seorang buangan istana Berunai telah bangkit menentang Pengeran Mahkota wakil Sultan Berunai di Sarawak. Oleh sebab Pengeran

Mahkota gagal menghapuskan pemberontakan, maka Sultan Berunai, Omar Ali Saifuddin ketika itu telah menghantar Raja Muda Hashim selaku Bendahara Berunai untuk menamatkan kekacauan. Dalam keadaan huruhara inilah seorang Inggeris, James Brooke yang akhirnya menjadi Raja Putih pertama di Sarawak telah sampai di Sarawak pada tahun 1839.<sup>9</sup>

Masyarakat bumiputera Sarawak pada masa tibanya James Brooke dan sebelumnya dapat dibahagikan kepada dua golongan terbesar. Pertama golongan bumiputera yang beragama Islam dan sebahagian besar daripada mereka dikatakan orang-orang Melayu, dan sedikit-sedikit orang Malanau. Kedua ialah golongan bumiputera yang menganut faham animisma dan dianggap 'pagan'. Perkataan Dayak digunakan dalam tulisan ini adalah semata-mata untuk memudahkan perbincangan. Sebenarnya pada masa itu orang-orang Sarawak tidak mengenali diri mereka dengan nama Dayak atau lain-lain nama seperti Melayu, Dayak Laut (atau Iban), Dayak Darat (Bedayuh) Kenyah, Kayan dan lainnya. Perkataan-perkataan ini hanya timbul pada zaman Rejim Brooke hingga sekarang. Sebelum itu bumiputera Sarawak mengenali diri mereka mengikut nama sungai atau tempat

- 
8. R. Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841 - 1941*, Macmillan, London, 1970, ms. 60.
  9. J. Kathirithamby-Wells, "Sarawak and Sabah: Their Origins" dalam Zainal Abidin b. Abdul Wahid, (ed) *Glimpses of Malaysian History*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, ms. 117-118.

mereka tinggal. Misalnya mereka akan mengatakan kami Skrang, kami Undap, kami Menoa (kami dari kawasan ini) iaitu kawasan anak sungai atau sebuah rumah panjang.<sup>10</sup>

Golongan pertama dalam masyarakat lama Sarawak terdiri daripada empat klas dan menganut ugama Islam. Pertama ialah klas pembesar-pembesar Berunai iaitu pengeran-pengeran dan Sherif-sherif. Mereka ini menjadi wakil kesultanan Berunai di tiap-tiap daerah di Sarawak. Mereka mentadbir dan mengawasi penduduk-penduduk di sepanjang sungai. Mereka mengambil peranan penting dalam politik luar dan dalam daerah masing-masing. Perebutan mencapai kekuasaan politik dan perdagangan menyebabkan mereka terlibat dalam aktiviti perlanunan dan perdagangan hamba abdi. Dari segi perhubungan dengan penduduk-penduduk tempatan, mereka berjaya mempengaruhi dan menanamkan semangat kesetiaan di kalangan penduduk-penduduk terutamanya di daerah-daerah Saribas, Skrang dan Batang Lupar. Orang-orang ini selalunya menjadi pengikut mereka dalam aktiviti perompakan dan peperangan antara daerah. Dalam hal ini hubungan antara pembesar-pembesar Berunai dengan penduduk-penduduk Dayak dan Melayu bukanlah sebagai penindas dan yang tertindas tetapi sebagai hubungan sesama (mutual). Masing-masing pihak mendapat keuntungan. Orang-orang Melayu dengan faedah dari segi kekuasaan politik dan perdagangan manakala orang-orang Dayak dengan faedah dan kepuasan mendapatkan kepala manusia dan dapat menjelajah serta mengganas. Klas pertama ini

merupakan klas yang paling dianggap bahaya dan dicurigai oleh pemerintah Brooke kerana mereka ini dianggap sebagai saingan dan musuh ketat dalam mencabar kedudukan Brooke di Sarawak pada tahun 1840an hingga 1850an.<sup>11</sup>

Klas kedua terdiri daripada ketua-ketua tempatan Melayu atau disebut juga datu-datu. Mereka dilantik menjadi orang kedua dalam susunan pentadbiran di Sarawak. Mereka ini terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan. Klas ini sangat berpengaruh dalam politik tempatan dan merupakan keluarga bangsawan di Sarawak. Di samping mengambil bahagian dalam politik daerah, datu-datu ini bergiat juga dalam lapangan perniagaan dan terkadang-kadang menjadi orang tengah dalam perniagaan di antara orang-orang di pedalaman dan orang-orang yang tinggal di bahagian pantai.<sup>12</sup>

Klas ketiga ialah rakyat biasa yang menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan. Kadang-kadang ada juga yang menjadi pengikut pembesar-pembesar Berunai dalam perdagangan dan perlanunan. Klas ini merupakan golongan terbesar dan biasanya mengusahakan aktiviti-aktiviti ekonomi secukup hidup.

Klas yang akhir ialah klas hamba abdi. Mereka ini adalah pesuruh atau kadang-kadang menjadi pengikut pembesar-pembesar. Kebanyakan hamba-hamba adalah dipunyai oleh pembesar-pembesar dan saudagar-saudagar. Klas ini bertambah besar dan ramai kerana wujudnya perdagangan hamba abdi

10. R. Pringle, *op.cit.*, ms. 17 - 21, 90 - 91.

11. R. Pringle, *op. cit.*, ms. 60.

12. *Ibid.*

pada abad Kelapan Belas dan Kesembilan Belas. Sistem perhambaan berleluasa disebabkan tekanan ke atas sistem sosial, politik dan ekonomi Berunai akibat kedatangan orang-orang Barat. Pada pertengahan abad Keenam Belas hingga ke kurun Masihi Kesembilan Belas ramai pembesar-pembesar dan kaum bangsawan Berunai yang kehilangan kuasa dan kedudukan politik serta ekonomi. Ini menyebabkan ramai hamba-hamba yang dilepaskan kepada saudagar-saudagar untuk diperdagangkan. Perdagangan hamba abdi ini merupakan satu daripada ciri-ciri penting di sekitar perairan Borneo pada kurun Keenam Belas hingga kurun Kesembilan Belas. Perdagangan ini semakin menjadi-jadi apabila ia diselaraskan dengan aktiviti-aktiviti perlanunan. Hamba abdi dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama hamba-hamba yang dikategoraiskan sebagai hamba anak emas. Mereka ini ialah orang-orang yang menjadi pesuruh pembesar-pembesar, dipelihara dan dilindungi oleh pembesar-pembesar untuk kepentingan mereka dalam lapangan politik dan perniagaan. Kedua, hamba yang diperolehi dari hasil jual-beli diperdagangkan oleh saudagar-saudagar. Ketiga ialah hamba-hamba yang wujud akibat seseorang rakyat biasa tidak dapat membayar hutang. Mereka itu hanya akan dibebaskan apabila hutang-hutang telah dapat dilangsangkan.

Golongan kedua dalam masyarakat lama Sarawak ialah golongan bumiputera yang disebut Dayak. Pada keseluruhannya golongan ini tinggal berselerakan di beberapa daerah pedalaman dan di lembah-lembah sungai di Sarawak.

Mereka mempunyai kebudayaan yang hampir-hampir sama. Mereka mendiami rumah-rumah panjang dan tidak beragama tertentu, dan biasanya dikenal sebagai orang 'pagan'. Sebaliknya mereka menganut faham animisma. Kehidupan mereka diselubungi oleh kepercayaan kepada semangat, roh, hantu dan mimpi. Hidup mereka dikongkangi oleh adat istiadat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial mereka. Dari segi penempatan masyarakat bumiputera, golongan ini tinggal dalam rumah-rumah panjang. Dalam tiap-tiap rumah panjang pula terdapat beberapa bilik. Dalam tiap-tiap bilik itu didiami oleh satu keluarga, oleh sebab itu dapat dikatakan bahawa rumah panjang itu sebagai satu unit perkampungan.<sup>13</sup>

Dari segi sosial, masyarakat Dayak tidak mempunyai klas kecuali mereka-mereka yang tinggal di bahagian-bahagian pedalaman sungai Baram dan Rajang yang sekarang dikenali dengan nama Kayan, Kenyah dan Kelabit. Kepada orang-orang Dayak semua manusia mempunyai taraf yang sama.<sup>14</sup> Tetapi dalam masa hidupnya seorang boleh mencapai darjat yang tinggi menerusi kebolehan dan usaha sendiri. Dengan itu didapati pemimpin-pemimpin dilantik berdasarkan keturunan. Walaupun dalam masyarakat Dayak tidak terdapat golongan bangsawan, tetapi ketua

---

13. James Brooke Journal Entry of 1.9.1839, dalam Henry Kepple, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido*, London, 1846, ms. 51 - 52.

14. J.D. Freeman, *Report on the Iban of Sarawak*, Kucing, 1955, Vol. 1, ms. 54.

atau disebut tuai-tuai rumah, manang-manang iaitu dukun-dukun dan orang-orang tua dipandang tinggi dan lebih dihormati. Tentang klas hamba abdi tidak begitu jelas, namun tidak dapat dinafikan pada setengah-setengah tempat ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin ada yang menyimpan hamba. Satu lagi ciri penting dalam sistem sosial masyarakat Dayak ialah mengenai kegiatan perburuan kepala. Perburuan kepala merupakan satu tradisi kemegahan yang mempunyai tiga fungsi. Pertama, bagi membunuh atau mengakhiri masa berkabung satu kepala manusia diperlukan. Kedua, sebagai satu bangsa yang mementingkan kebendaan dan darjat, maka aktiviti potong kepala itu dianggap perlu dalam menentukan nilai-nilai kepahlawanan dan kemegahan seseorang pemuda. Ketiga, kepala manusia begitu penting sebagai mas kahwin yang harus dihantar oleh seorang lelaki yang hendak berkahwin. Lamaran si pemuda itu hanya akan diterima oleh si gadis jika si pemuda itu dapat menyembahkan satu kepala manusia. Dan sebagai membalasnya si gadis akan menghadihkan sehelai kain tenunan hasil buaatannya yang paling bermutu kepada pemuda tadi. Kejayaan menyembahkan kedua-dua matabenda tadi merupakan tanda persetujuan bagi kedua-dua belah pihak.<sup>15</sup>

Dalam masyarakat Dayak, tidak terdapat institusi politik yang teguh melebihi peringkat keluarga atau perkampungan. Tuai rumah merupakan ketua yang bertanggungjawab terhadap anak buah dan menjaga keamanan. Pemilihan ketua atau tuai rumah adalah berdasarkan kepada kebolehan

seseorang dari segi adat istiadat, ahli dalam susur galur keturunan dan cekap menjaga ketenteraman dan mengawal anak buahnya. Selain daripada tuai rumah, jawatan dukun atau bomoh yang dipanggil manang dianggap penting dalam masyarakat Dayak. Di luar perkampungan mereka, orang-orang Dayak menyedari hakikat kekuasaan atau pentadbiran kesultanan Berunai. Mereka membayar cukai tahunan sebanyak sepasu padi daripada tiap-tiap keluarga kepada pemerintah. Kadang-kadang didapati pembesar-pembesar dan ketua-ketua tempatan menyalahgunakan kuasa mereka mengutip cukai berlebihan untuk kepentingan pembesar-pembesar itu sendiri.<sup>16</sup> Penindasan serupa ini selalu dilakukan ke atas orang-orang Dayak yang mendiami daerah-daerah pedalaman sungai Sarawak iaitu Bahagian Pertama Sarawak sekarang. Orang-orang di bahagian ini agak lemah dan pasif. Mungkin keadaan faktor-faktor alam keliling mereka yang subur dengan hasil galian dan tanaman tidak memerlukan mereka bersikap ganas. Sebaliknya sifat yang lemah dan kedudukan daerah mereka yang subur mendorong orang-orang luar menggunakan kesempatan menindas dan menjadikan mereka hamba abdi untuk diperdagangkan.

Sebelum Sarawak dijajah oleh Rejim Brooke, masyarakat bumiputera Sarawak iaitu orang-orang Melayu telah mempunyai sistem pelajaran tradisional. Pelajaran didapati menerusi klas-klas ugama yang dikelolakan oleh Tuk-tuk Imam guru-guru Quran dan lebai

15. R. Pringle, *op. cit.*, ms. 22 - 25.

16. *Ibid*, ms. 64.

lebai di kampung. Biasanya kelas-kelas ini dibuka di surau-surau atau di rumah-rumah ketua kampung. Matapelajaran yang diajar adalah bercorak keagamaan. Murid-murid diajar mengaji Quran dengan aturan tajwid yang betul.<sup>17</sup> Walaupun terjemahan Quran ke Bahasa Melayu, mengikut hasil penyelidikan, tidak pernah diajar, tetapi isi kandungan kitab suci itu menurut hukum-hukum tauhid, fikah, Islam dan akhlak diturunkan kepada murid-murid. Mereka diajar membaca dan menulis dengan tulisan jawi. Dengan demikian dapatlah dikatakan bahawa sebelum kedatangan orang-orang Eropah masyarakat bumiputera Melayu Sarawak telah mempunyai satu sistem pelajaran yang sesuai dengan zamannya. Oleh sebab itu tidak hairanlah jika James Brooke sendiri mengakui Gabenor Sarawak Pengeran Mahkota dan pembesarpembesar Berunai lainnya adalah orang-orang yang tergolong dalam kumpulan yang berpelajaran dan berpengetahuan luas.<sup>18</sup>

Bagi masyarakat Dayak pula, pelajaran secara formal tidak wujud langsung. Kepada mereka pelajaran merupakan satu proses sosialisasi. Anak-anak mereka belajar menerusi pengalaman semasa menolong kedua orang tua mereka bekerja di huma-huma, hutan-hutan dan sungai-sungai. Pelajaran selanjutnya diturunkan melalui cerita-cerita lisan.

Mengenai sistem perundangan pula kedua-dua golongan bumiputera Sarawak telah mempunyai sistem perundangan tersendiri. Orang-orang Melayu mendasarkan undang-undang mereka atas hukum Islam. Biasanya hukum Islam dicampur-adukkan dengan hukum

adat. Bagi orang-orang Dayak, mereka menggunakan hukum adat dan tradisi masyarakat mereka sendiri.<sup>19</sup>

Sungguhpun terdapat dua golongan masyarakat bumiputera Sarawak sebelum pemerintahan Rejim Brooke, tetapi kehidupan kedua-dua golongan itu adalah saling berhubungan antara satu dengan lain. Ini merupakan satu daripada ciri-ciri corak masyarakat lama bumiputera Sarawak. Mereka hidup bercampur-baur, berdasarkan kesetiaan politik mengikut pola-pola penempatan Ilmu Alam. Kesetiaan politik tidak disandarkan atas landasan kebudayaan atau suku-suku bangsa seperti yang wujud sekarang.<sup>20</sup> Kedua-dua golongan masyarakat ini tinggal bersama, bergantung satu sama lain demi kepentingan bersama. Biasanya peperangan atau perselisihan yang berlaku bukanlah antara suku-suku kaum tetapi ialah antara daerah atau sungai. Misalnya orang-orang Melayu dan Dayak dari Banting berganding bahu memeringi musuh mereka yang terdiri daripada orang-orang Melayu dan Dayak dari Saribas. Dan tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan seorang pahlawan Dayak itu menganggap kepala yang didapati daripada seorang Islam itu lebih dihargai daripada kepala orang-orang Sarawak yang tidak beragama Islam. Dengan demikian dapatlah disangkal kenyataan orang-orang Barat yang mendakwa bahawa

17. H. Low, *Sarawak: Its Inhabitants and Production*, London, 1968, ms. 138 - 139.
18. James Brooke Journal Entry 19 Sept. 1839, dalam Keppel, *op.cit.*, ms. 80.
19. W. Treacher, "British Borneo Sketches," JSBRAS, No. 20, 1889, ms. 39.
20. R. Pringle, *op.cit.*, ms. 62.

orang-orang Melayulah yang bertanggungjawab melatih dan mendorong orang-orang Dayak di Saribas, Skrang dan Batang Lupar menjadi perompak-perompak yang ganas, serta menyebabkan aktiviti perburuan kepala berleluasa.<sup>21</sup> Sebenarnya aktiviti perlanunan dijalankan berdasarkan tujuan-tujuan tertentu bersesuaian dengan kehendak-kehendak dari kedua-dua pihak. Golongan pembesar Melayu dan Arab mengambil tindakan demikian kerana desakan hak-hak politik dan ekonomi mereka yang terancam akibat kedatangan orang-orang Barat. Sementara orang-orang Dayak terutama yang tinggal di daerah Saribas dan Skrang pula mengambil bahagian menjadi pengikut-pengikut untuk mendapatkan kepala manusia dan kepuasan dari segi sifat mereka yang suka mengembara dan berperang. Sifat yang demikian timbul mungkin kerana kedudukan ilmu alam tempat mereka tinggal. Lembah Sungai Saribas, Skrang dan Batang Lupar lebih terbuka kepada perhubungan dengan lain-lain tempat jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Sarawak. Ini memudahkan pengaruh luar sampai dan meresap ke kawasan mereka. Tambahan lagi, kedudukan daerah itu tidak sesubur daerah-daerah lain seperti di Bahagian Pertama dan Ketiga sekarang. Lembah Sungai Skrang dan Saribas terletak di Bahagian Kedua. Faktor inilah yang mungkin menyebabkan orang-orangnya lebih agresif, ganas dan senang menerima pengaruh luar oleh kerana keadaan terdedahnya itu.

Dalam masyarakat tradisional Sarawak, pembesar-pembesar Melayu dan Arab memegang pucuk pimpinan dalam politik wilayah

masing-masing. Pertalian politik di antara kedua-dua golongan ini dapat dilihat dengan adanya gelaran Orang Kaya Temenggung Tandak, Orang Kaya Beting Padeh dan Orang Kaya Antau yang telah diberikan oleh Imam Maulana kepada ketua-ketua Dayak Skrang dan Saribas kerana jasa mereka dapat mengusir pencabulan sempadan oleh orang-orang Dayak di pedalaman. Bumiputera Sarawak menyedari dan mengakui hakikat kekuasaan pembesar-pembesar Berunai dan ketua-ketua tempatan baik dari segi politik mahupun perdagangan. Sementara itu kekuasaan pembesar adalah bergantung kepada kecekapan-kecekapan mereka mengumpul hasil pendapatan menerusi perdagangan. Jika hasil pendapatan bertambah maka kekuasaan akan bertambah kuat dan pengikut akan bertambah ramai.<sup>22</sup> Kepada bumiputera Sarawak pembesar tadi bukan sahaja dihormati sebagai pentadbir dan pemimpin, tetapi mereka itu disanjung sebagai nakhoda pedagang dan ketua perang. Pembesar-pembesar pula menghargai khidmat bakti dan kesetiaan orang Dayak dan Melayu sebagai pengikut mereka. Dan inilah corak atau bentuk struktur masyarakat lama Sarawak yang sangat dicemburui oleh James Brooke semasa beliau mula-mula mengambilalih pentadbiran Sarawak dari tangan wakil Kerajaan Berunai pada tahun 1841.

Walaupun dari segi perdagangan, penguasaan terletak dalam tangan bangsawan atau pembesar-pembesar Berunai tetapi bumiputera Sarawak, iaitu orang-

21. H. Law, *op.cit.*, ms. 188 - 190.

22. D. Brown, *op.cit.*, ms. 141.

orang Melayu dan Dayak, telah turut serta menjadi pengikutnya. Penguasaan dagangan oleh pembesar-pembesar tadi adalah merupakan sebahagian daripada penguasaan pentadbiran wilayah-wilayah mereka. Penyertaan dan penguasaan pembesar-pembesar dijalankan dalam dua bentuk. Pertama pembesar-pembesar menyertai perdagangan sebagai pedagang secara langsung. Dalam bentuk ini pembesar-pembesar akan mewakili pegawai-pegawai bawahnya menjalankan perdagangan di wilayah-wilayah yang ditadbirkannya. Dalam bentuk kedua pembesar-pembesar menyertai perdagangan secara tidak langsung, iaitu mengenakan cukai perdagangan di wilayah-wilayahnya. Dalam bentuk pertama seorang biasa bebas menjadi ejen menjalankan perniagaan bebas apabila ia sanggup membayar cukai dagang. Perdagangan bebas ini kebanyakannya berupa perdagangan tempatan atau dalam negeri. Dalam bahagian ini perdagangan dilakukan di daerah-daerah pedalaman dan sungai-sungai. Oleh sebab pedagang-pedagang Melayu tempatan tidak begitu muhibbah sikapnya maka ditemui di sini orang-orang Dayak yang dilantik menjadi menteri darat oleh Sultan Berunai bagi mengawasi perdagangan di daerah itu. Tetapi dalam perdagangan luar orang-orang tempatan jarang mendapat tempat.<sup>23</sup> Di daerah-daerah pedalaman dan sungai-sungai didapati aktiviti-aktiviti perdagangan dijalankan oleh bumiputera Sarawak dengan menggunakan sistem tukar barang, misalnya orang-orang Melayu dengan dagangan ikan masin dan garam. Sementara orang-orang Dayak dengan beras dan hasil-hasil

hutan. Pertukaran barangan ini telah melibatkan hubungan dagangan secara langsung antara kedua golongan bumiputera Sarawak. Dalam bahagian dagangan luar atau antarabangsa pedagang-pedagang menggunakan wang ringgit Sepanyol.

Demikian serba sedikit gambaran tentang ciri-ciri keadaan masyarakat tradisional bumiputera Sarawak. Pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa sebelum Sarawak diperintah oleh Raja-raja Putih Brooke 1841 hingga 1941, masyarakatnya telah wujud sebagai satu masyarakat yang mempunyai sistem politik, pentadbiran, sosial dan perdagangan yang teratur. Tetapi sistem dan susunan masyarakat yang begitu rupa sedikit demi sedikit telah lenyap oleh tekanan dasar dan sistem pemerintahan Regim Brooke. Demi menjamin keteguhan kewibaaannya di Sarawak, pemerintah-pemerintah Brooke telah menggunakan berbagai cara dan ikhtiar untuk mengubah dan melemahkan struktur masyarakat tradisional bumiputera.

Pertama, James Brooke, selaku Raja Putih Pertama, berpendapat untuk menguasai orang-orang Dayak di Skrang, Saribas dan Batang Lupar; rejimnya mestilah menguasai orang-orang Melayu dahulu.<sup>24</sup> Oleh sebab itu jalan yang paling berkesan ialah memisahkan kedudukan penempatan tradisional bumiputera Sarawak.<sup>25</sup> Langkah itu dilakukan oleh James Brooke terutamanya selepas Pertempuran

<sup>23</sup> D. Brown, *op.cit.*, ms. 16

<sup>24</sup> R. Pringle, *op.cit.*, ms. 90 - 91, 303.

<sup>25</sup> *Ibid*, ms. 285.

Beting Marau pada tahun 1849.<sup>26</sup> James telah menghimpunkan orang-orang Melayu di satu daerah berasingan di kuala sungai atau pantai dari daerah Paku dan cabang-cabang sungai Saribas lainnya. Orang-orang Dayak dibiarkan tinggal di bahagian pendalaman dan di lembah-lembah sungai. Cara yang seperti ini diteruskannya di tempat-tempat lain di mana-mana terdapat corak penempatan tradisional.

Kedua, dengan adanya pemisahan dari segi penempatan mengikut suku-suku kaum yang dicipta oleh orang-orang Barat ini, maka lama-kelamaan bumiputera Sarawak tidak lagi mengenali diri mereka dengan nama sungai tetapi mengikut nama suku-suku kaum seperti Iban, Melanau, Melayu, Dayak Darat atau Bedayuh, Kayan, Kenyah dan lain-lain sebagaimana yang disebut sekarang. Dengan wujudnya masyarakat bersuku-suku kaum ini memudahkan Rejim Brooke menjalankan pemerintahan bahagi dan perintah. Di samping melemahkan susunan masyarakat lama Rejim Brooke berjaya mengalihkan ketaatsetiaan orang Dayak dari pembesar-pembesar Berunai kepada Raja-raja Putih Brooke. Kejayaan ini dapat menghapuskan persaingan ketat dalam perebutan kuasa di antara pembesar-pembesar Berunai (yang memang mewarisi dan berhak ke atas negeri Sarawak) dengan Brooke sendiri. Perebutan ini telah mengakibatkan meletusnya perjuangan menuntut hak oleh orang-orang Melayu atau dikatakan 'Malay Plot' oleh Robert Pringle pada tahun-tahun 1859 - 1860.<sup>27</sup>

Ketiga, ketua-ketua Melayu tempatan dikhususkan menjadi golongan politik terpenting dalam

pemerintahan Brooke. Dalam hal ini pemerintahan Brooke tidak pernah lupa bahawa Sarawak diperolehi mereka dari tangan pembesar-pembesar Melayu Berunai. Oleh itu untuk memupuk kesetiaan dan mendapatkan sokongan dari datu-datu tempatan Melayu, Rejim Brooke telah mengekalkan golongan ketua-ketua Melayu menjawat jawatan lama dalam sistem pentadbiran Berunai seperti Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Imam dan Datu Temenggung. Dengan berbuat demikian James Brooke dapat mempertahankan kedudukannya dari diancam oleh warisan kesultanan Berunai.

Keempat, di samping pengaruh idea liberal dan zaman mekantilisma kurun Kesembilan Belas serta tujuan-tujuan pengukuhan kedudukan mereka di Sarawak, Rejim Brooke telah memutuskan pertalian politik dan perdagangan yang dimainkan oleh pembesar-pembesar Melayu. Sebagai gantinya Pemerintah Brooke, seperti penjajah Inggeris di Tanah Melayu, telah membawa unsur-unsur baru dalam

---

26. Dalam pertempuran Batang Marau orang-orang Dayak di Batang Lupar dan orang-orang Melayu bekerjasama menentang kempen 'perlanungan' yang dijalankan oleh James Brooke dengan bantuan Angkatan Laut Inggeris di Saribas dan Krian. Orang-orang Dayak diketuai oleh Linggir dan orang-orang Melayu oleh Abang Apong. Perhatikan keadaan pertempuran inilah menyebabkan James Brooke mengambil tindakan untuk melemahkan orang-orang Melayu dan menguasai orang Dayak maka kedua-dua golongan itu mesti dipisahkan. Orang-orang Melayu dikumpulkan di kuala sungai. Lihat Pringle, *Rajahs and Rebels*, ms. 58, 81 - 3 dan 90 - 95.

27. Untuk meninjau peristiwa ini dengan mendalam sila lihat R. Pringle, *op. cit.*, ms. 97 - 134.

bidang ekonomi Sarawak. Unsur-unsur itu ialah kemasukan buruh-buruh Cina secara besar-besaran pada akhir kurun Kesembilan Belas dan awal abad Kedua Puluh. Kemasukan unsur-unsur baru ini telah mewujudkan corak baru dalam struktur masyarakat lama

Sarawak. Akhir sekali dapatlah dikatakan bahawa dasar Rejim Brooke bukan sahaja dapat meruntuhkan struktur masyarakat lama Sarawak; malah pemerintah dapat memisahkan golongan bumiputera yang beragama Islam dengan yang bukan beragama Islam.



*Masjid di Kucing Sarawak.*  
[Sarawak Muzium]



*ASTANA di Kucing Sarawak di akhir kurun ke 19.*

[Sarawak Muzium]

# DATUK SRI AMAR DIRAJA<sup>1</sup> : PENGHALANG CITA-CITA INGGERIS MENAKLUK NEGERI JOHOR

oleh

M.A. Fawzi Mohd. Basri

*Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia.*

Kisah Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim seolah-olah disifatkan sebagai mewakili Sejarah Johor Moden. Sedikit sekali terdapat kisah-kisah pembesar Johor yang dikemukakan oleh penulis-penulis Sejarah Malaysia. Salah seorang pembesar Johor itu ialah Datuk Sri Amar Diraja — hingga kini belum ada terjumpa sebarang buku pun mengenai beliau.

Namanya yang sebenar ialah Abdul Rahman bin Andak, secara umum beliau disebut Datuk Amar. Beliau adalah Penasihat Peribadi kepada Sultan-sultan Abu Bakar dan Ibrahim. Dalam menghambakan khidmat kepada dua Sultan ini, Datuk Amar telah berjasa besar kepada negeri Johor. Terpenting sekali ialah peranannya yang menghalang keinginan penjajah untuk menjadikan Johor sebagai jajahan takluknya.

C.B. Buckley<sup>2</sup> telah menunjukkan Abdul Rahman Andak sudah biasa bermain-main dengan kawan-kawannya dalam tahun 1865. Buckley juga memerikan kisah bagaimana tangisan Abdul Rahman Andak dapat menyelamatkan Ibrahim Munsyi [kemudian menjadi Datuk Bentara Dalam] daripada menjadi mangsa kebakaran kapal kerajaan "Johor" dalam tahun itu:

Dia [Ibrahim] adalah seorang Guru di Sekolah Melayu Teluk Belanga, dan setelah tamat waktu mengajar dia telah pulang ke rumah untuk bertukar pakaian untuk pergi ke

kapal [itu]. Dalam perjalanannya ke dermaga [wharf] dia telah berhenti melihat beberapa orang budak lelaki sedang bermain guli [marbles], dan bercakap dengan Abdul Rahman bin Andak, seorang kanak-kanak, (sekarang Datuk Sri Amar Diraja, C.M.G.,) yang sedang menangis, dan ini melambatkan Ibrahim semasa ia sedang bercakap-cakap dengan kanak-kanak itu ia telah terdengar bunyi 'letupan' [di dermaga itu].

Abdul Rahman Andak merupakan putera negeri Johor yang pertama menuntut di Seberang Laut. Ini boleh kita buktikan dalam tahun 1850an, Abu Bakar telah tidak dibenarkan oleh Temenggung Ibrahim belajar di England. Tetapi pada 3hb. Mac 1871 Maharaja Abu Bakar [ yang tidak berputera ketika itu ]. "Telah bertemu dengan sahabat yang hendak balik ke Eropah supaya melihatkan paduka anak saudaranya bernama Ungku Othman berserta [dengan] seorang kanak-kanak lagi bernama Abdul Rahman bin Andak. (kemudian, bergelar Datuk Sri Amar Diraja) ..."<sup>3</sup>

1. Gelaran ini adalah gelaran kerajaan iaitu digelar oleh Sultan berdasarkan tugas dan amalan memberi gelaran tradisi, ianya bukan gelaran yang diberi setelah dikurniakan Pingat DPMJ atau SPMJ.
2. *An Anecdotal History of Old Times In Singapore, 1819 - 1869* University Malaya Press Singapore, 1969, ms. 721. [Kisah] insiden kebakaran kapal kerajaan "Johor" diperikan di mukasurat 719-722 buku itu.
3. Major Datuk Haji Mohd. Said, *Hikayat Johor: Tawarikh Sultan Abu Bakar*, M.P.H., Singapura, 1940, ms. 6.

Jelas di situ Datuk Amar menerima pendidikan Inggeris; peluang pendidikan dan pengalaman di London adalah penting dalam kerja-kerjanya kemudian. Pada 19 Jun 1878 beliau dipanggil pulang ke Johor.

Schingga tahun 1883<sup>4</sup> Abdul Rahman yang bergelar Datuk Sri Amar Diraja itu sudah pun memegang jawatan Setiausaha (Negeri?) dan menjalankan kerja-kerja terjemahan Bahasa Inggeris di Sekretariat Negeri.

Berdasarkan amalan memberi gelaran di Johor Moden nyatalah ianya (gelaran Datuk Sri Amar Diraja dll.) bukanlah 'ascribed status' tetapi diberi kepada pegawai kanan kerajaan negeri. Semasa istiadat pengurniaan pingat-pingat kebesaran negeri yang pertama diadakan pada tahun 1886, Julai 8, iaitu sempena Abu Bakar digelar Sultan, beberapa pembesar negeri telah dikurniakan gelaran dan pingat termasuk Sri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.) dan lain-lain lagi. Abdul Rahman Andak adalah di antara mereka yang dikurniakan pingat S.P.M.J. itu.

Peranan Datuk Amar jelas sekali selepas tahun 1880an iaitu sejak Gabenor Frederick Weld yang bercita-cita untuk menakluk Johor secepat mungkin sepertimana negeri-negeri Melayu lain. Namun sehingga 1910 cita kolonialisma Inggeris itu masih belum tercapai.

Eunice Thio<sup>5</sup> dan K. Sinclair<sup>6</sup> telah merumuskan langkah-langkah Inggeris bertapak di Johor, iaitu menyekat kerajaan Johor daripada mendapat nasihat dari Lembaga Penasihat Londonnya, taktik pembinaan Jalan keretapi merentas negeri Johor, membesarakan Datuk Sri Amar

dari Perkhidmatan kerajaan Johor dan digantikan dengan tokoh yang 'lurus!'

Kehadiran Datuk Amar benar-benar 'menghalang' dan 'melambatkan' dasar Inggeris yang bersifat 'control'. Datuk Amar telah dianggap sebagai 'a clever little fellow' but an absolute nobody among the Malay Aristocrats,<sup>7</sup> malah ia disifatkan sebagai 'corrupt' dan juga "a mischievous little dog . . . ." Namun begitu Inggeris hanya melihat dari aspek penggalang cita-cita kolonialisma, tetapi saya lebih suka meninjau akan Datuk Amar yang 'menghalang' cita-cita Inggeris itu sebagai 'penyelamat' negeri Johor.

Datuk Amar bertindak untuk keutuhan maruah kemerdekaan negeri, oleh sebab itu dia telah mempengaruhi Sultan Ibrahim "... with precious ideas of his position as absolute sovereign . . . and of the independence of Johore."<sup>8</sup> Datuk Amar juga dikatakan oleh Inggeris sebagai orang yang mengacau-bilaukan konsesi keretapi dan lain-lain konsesi yang menyebabkan wujudnya perserenggangan dengan Johor. Bagi saya ini adalah satu cara bagi Datuk Amar mengelakkan Johor dari ditakluk oleh Inggeris.

Fikiran Datuk Amar jauh ke hadapan, tetapi bagi Inggeris "Dasar Informal Advice" sejak sebelum

4. Singapore And Straits Directory, 1883.

5. "British Policy Towards Johore: From Advice to control", JMBRAS, 40 (i), 1967, passim.

6. "British Advance In Johore: 1885 - 1914," JMBRAS, 40 (1), 1967, passim.

7. Smith to Meade, 30 June 1891, Governor's Letter Books.

8. K. Sinclair, op.cit., ms. 103.

akhir 1880an telah berubah dalam pengaruh baru apabila Abdul Rahman Andak muncul dalam politik Johor.

Eunice Thio<sup>9</sup> menyebut Datuk Amar sebagai sepupu<sup>10</sup> kepada Sultan yang 'very clever' dan 'English Educated Malay' dilantik menjadi Setiausaha peribadi Sultan dalam tahun 1885 dan dalam tahun 1893 menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Dalam masa lawatan Sultan Abu Bakar ke Eropah Datuk Amar menjadi menteri pengiringnya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Sultan Johor banyak bergantung kepada Datuk Amar dalam selok-belok pemerintahan dan hal-hal hubungan antarabangsa.

Berdasarkan tugasnya kepada Sultan kemungkinan besar Datuk Amar ialah pegawai yang mencadangkan pada Sultan untuk mengisytiharkan Perlembagaan Johor pada 14hb. April, 1894 yang antara lain menyatakan:-

1. Sultan dan Menteri-menteri tidak boleh menyerahkan negeri Johor kepada mana-mana bangsa Eropah<sup>11</sup> (Fasal 15 dan 16).
2. Penentuan Tugas Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Negeri (Fasal 42 dan 45).

Kebolehan Abdul Rahman Andak bukanlah satu yang luar-biasa, tetapi ianya hasil dari pengalaman pendidikannya dan tugasnya. Kurang lebih dua setengah dekad (decade) ia berhubung rapat dengan Inggeris sebagai Setiausaha dan Penasihat Peribadi Sultan Abu Bakar, oleh itu tidaklah hairan jika Sultan Ibrahim yang masih muda (1896) berada di dalam pengaruh Datuk Amar. Malah Ibrahim, Sultan

Johor, telah melantik Datuk Amar sebagai Menteri Hal-ahwal hubungan Luar Negeri terutama dengan London. E. Thio<sup>12</sup> berpendapat sebenarnya Abdul Rahmanlah yang mentadbir negeri di masa ketiadaan Sultan.

Saya bersetuju sekali dengan Eunice Thio bahawa:

"... with Abdul Rahman behind him, Sultan Ibrahim took 'very suspicious' view of Swettenham's railway proposals. He feared that the acceptance of financial and other assistance from the FMS would jeopardise Johore independence."<sup>13</sup>

Kerana dengan prasangka itulah kemerdekaan Johor dapat diselamatkan oleh Datuk Sri Amar Diraja.

Gabenor Inggeris yang ketiga memusuhi Datuk Amar ialah Anderson. Beliau sangat tidak mempercayai Datuk Amar, kerana Datuk Amar dianggapnya bertanggungjawab menolak "an arrangement concerning the letting of The Johore Opium and Spirit

9. *op. cit.*, ms. 13. Beliau tidak lagi menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dalam tahun 1900 berdasarkan dokumen kehadiran Ahli Mesyuarat Kerajaan, Minit Mesyuarat Kerajaan, 1899 - 1907 24hb. Oktober, 1900. Datuk Mohamad Mahbob jadi Setiausaha Kerajaan pada tahun 1904.
10. Pendapat E. Thio diragukan berdasarkan suasana protokol di masa Jamuan Makan di Istana Buckingham: "... kesemua yang bersemayam keliling meja itu daripada darah-darah raja belaka. Maka hal yang Yang Berhormat Datuk Sri Amar pada masa itu duduk di meja lain makan bersama-sama orang-orang Besar dan Pengiring Yang Maha Mulia Queen." Major Datuk H.M. Said, *op. cit.*, 57.
11. Rakyat Johor telah membantah tindakan Sultan Ibrahim menandatangani Perjanjian Malayan Union dengan menggunakan fasal 'larangan penyerahan' ini. Sultan Ibrahim mensifatkan mereka yang membantah itu sebagai menderhaka.
12. *op. cit.*, ms. 22
13. *loc. cit.*

farm which the Sultan, The Dato Menteri and Dato Mohamad (State Secretary) had previously agreed<sup>14</sup>

Sementara itu Datuk Amar juga meneliti perjalanan dan kegiatan 'Johore Advisory Board' (JAB) di London yang dibiayai oleh kerajaan Johor. Bagi Datuk Amar 'JAB' mula menyeleweng bila Pengerusi JAB meminta kerajaan Johor menerima pinjaman dari Negeri Selat sebanyak £150,000 atau £200,000, dengan syarat Johor menerima juruodit Negeri Selat atau bersekutu dalam Persekutuan. Tetapi dengan nasihat Abdul Rahman kerajaan Johor menolak.  
**menolak.**

Datuk Amar sedar akan ancaman kawalan politik Inggeris iaitu Rancangan 'Persekutuan' yang cuba memadamkan kawalan British ke atas Semenanjung. Manakala ancaman ekonomi dilambangkan dengan rancangan pembinaan sistem keretapi.

Cara-cara JAB bertindak sudah tidak dapat disamakan dengan keadaan sebelum tahun 1900. Surat Abdul Rahman Andak kepada JAB pada 13hb. Julai, 1905 telah mula menggoncang kegiatan JAB.<sup>15</sup>

Hubungan dengan JAB lebih tegang apabila Datuk Sri Amar Diraja menulis surat kepada Smith pada 10hb. Oktober, 1905. Pada masa itu Datuk Amar berada di Grosvenor Hotel, London. Antara lain surat itu menyatakan<sup>16</sup>

He [Sultan Ibrahim Johor] has for some time had under anxious consideration the question of representation of the interest of himself and his government in this country.

The primary object of constituting an Advisory Board was to ensure that there might be in England accredited representative of Johore who would be in a position, wherever the exigencies of local

circumstances might demand it, to approach the Colonial office and claim its attention.

That the suggestion to reduce the expense of the London Advisory Board was the full concurrence of the council as various important matters have now been decided and there is no further occasion for the state to incur such a large expense

Surat ini penting, kerana membawa kepada perletakan jawatan secara en bloc Ahli Lembaga Penasihat Johor di London itu. Anggota-anggota JAB itu telah menyatakan:-<sup>17</sup>

Your Highness,

We have taken note of the letter which has been addressed to the chairman by Dato Abdul Rahman, dated 10th October, 1905, and we hereby unanimously place our resignation in Your Highness hands.

(t.t.) Cecil Clementi Smith  
D. Hervey  
C.H. Commency  
A. Durand  
C.B. Evan Smith

Johore Advisory Board  
20th October 1905

W.H. Lake,  
Secretary Advisory Board

Langkah Datuk Amar ini adalah satu langkah yang ditunggu-tunggu oleh Pejabat Tanah Jajahan Inggeris. Oleh sebab itu Inggeris bertindak untuk menyingkirkan Abdul Rahman Andak sendiri.

14. loc. cit.

15. Abdul Rahman to Colonial Office, 13th Jul. 1905, dalam C.O. 273/313.

16. Abdul Rahman to Smith, 10th Oct. 1905, dalam C.O. 273/313.

17. JAB to Abdul Rahman, 20th Oct. 1905, dalam C.O. 273/313.

State Secretariat,  
Johore Bahru.

13th. July, 1905.

Sir,

The subject matter of your letter of the 19th April has been under the consideration of H.H. The Sultan, and I am directed by him to inform you that, in the opinion of H.H. the Advisory Board were not well advised in approaching the Secretary of State for Colonies and thus enabling him to express his disapproval of the scheme in the term of his letter to you of the 13th April last.

The course taken in approaching the Secretary of State will necessarily prejudice any future negotiation of a similar nature, and it may well be interpreted by the British Government as an admission on the part of Johore that has not, under the treaty of 1885. The full power of an independent state of giving concession even to British subjects, but is bound before granting any concession to submit it for approval to the British Government.

This position has been brought about by the course taken by the Advisory Board, and it is for purpose of avoiding and rectifying such mistakes that the Board has been established. The Sultan therefore, considers it incumbent upon the Advisory Board, if possible to get the matter put right. How this is to be done it is for the Advisory Board to consider. The Board being, as His Highness understands, to some extent in touch with the Colonial Office will know best how they can set about it and induce the Secretary of State for the Colonies to withdraw the adverse position he has expressed and taken up.

It is His Highness desire that the rectification should be seen to, without delay.

I have the honour to be Sir,

Your Obedient Servant

t.t.

Abdul Rahman  
Dato' Sri Amar Diraja

Sir Cecil Clementi Smith G.C.M.G.  
Chairman,  
Johore Advisory Board,  
London.

Dalam bulan Januari 1907 Anderson, Gabenor Negeri Selat berusaha menyingkirkan Abdul Rahman dengan tujuan menempatkan seorang 'Ejen Inggeris' di Johor. Menurut Anderson, jika Abdul Rahman berterusan menjadi Ketua Jurucakap kerajaan Johor selagi itu hubungan kedua-dua kerajaan tidak akan baik. Malah Anderson yakin tanpa Abdul Rahman dalam kerajaan Johor, membolehkan ia membuat sebarang tindakan ("do what I want").<sup>18</sup> Ini disebabkan Anderson tidak ada 'trouble' dengan Datuk Menteri dan Datuk Mohamad (Setiausaha Negeri) yang dianggapnya sebagai "Straigh Forward Men."

Pihak Inggeris percaya Datuk-datuk itu boleh digunakan untuk strategi penaklukannya. Dengan bantuan C.B. Buckley, seorang Peguam yang juga menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, Anderson mendesak Sultan Ibrahim menghantar Abdul Rahman ke Eropah dan diberi pencen £1,000 setahun.

Tanpa Datuk Amar, Sultan sudah tidak mempunyai Penasihat Sulitnya. Dalam satu suratnya kepada Menteri Besar Johor yang dideraf oleh C.B. Buckley Sultan menjelaskan:<sup>19</sup>

"Datuk Menteri seperti yang diketahui [Datuk] telah tua [dan], kalau Datuk Mohamad [Setiausaha Negeri] jatuh sakit ... tiada siapa yang akan menolong dan menasihatkan saya."

Oleh itu Sultan menyatakan keinginannya untuk mengambil seorang [Eropah] menjadi penasihatnya.

Dalam tahun 1909 juga Sultan telah kehilangan Abdul Rahman Andak sebagai Penasihatnya. Projek pembinaan keretapi yang bermotif

politik juga telah bermula. Pilihan lain sudah tidak ada lagi pada Sultan yang sudah dihipit oleh Inggeris. Oleh itu Penasihat Inggeris telah dijemput samada mahu atau tidak.

D.G. Campbell telah dipinjamkan untuk berkhidmat dengan kerajaan Johor selaku 'Penasihat Am' [General Advisor].<sup>20</sup> Kedudukannya adalah sebagai 'pekerja'[employer] kepada Sultan Johor. Di daerah-daerah ditempatkan Penolong Penasihat Am.

Pihak Inggeris umpama "diberi betis mahukan paha," dalam tahun 1914 mereka telah memerintahkan Sultan menerima segala nasihat Penasihat Am kecuali dalam hal-hal ugama dan Adat Istiadat.

Jika kita perhatikan sepeninggalan Datuk Amar, cita-cita kolonialisma Inggeris sudah terlaksana. Hanya sedikit sahaja bezanya dengan negeri Melayu lain, walaupun Sultan bersetuju menerima Pegawai-pegawai Inggeris tetapi Pegawai itu hendaklah memakai unifom rasmi Pegawai Kerajaan Johor. Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai Bahasa Rasmi. Inggeris juga bersetuju memenuhi kehendak-kehendak Sultan supaya orang Melayu yang berpelajaran dilantik berkhidmat dalam Jabatan Kerajaan dan dilayan sebagai Pegawai Eropah. Jelaslah di situ kelayakan dan tuntutan Sultan itu

18. E. Thio, *op. cit.*, ms. 81.

19. Terjemahan bebas dari petikan yang dibuat oleh K. Sinclair, *op. cit.*, ms. 105.

20. Penasihat Am tidak sama dengan fungsi 'Residen' di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Selain dari menasihati ia terpaksa meminta persetujuan dari Gabenor Negeri Selat. Ia juga bertugas di bahagian pentadbiran Tanah dan Pentadbiran. Nasihat Penasihat Am tidak semestinya diterima oleh Sultan Johor.

adalah membolehkan Sultan memelihara satu 'pertunjukan' kemerdekaan, pada hakikatnya Johor sudah tertakluk pada kawalan Inggeris.

Kembali kita pada Datuk Amar. Semasa perkhidmatannya dengan Abu Bakar, Datuk Amar berjaya mempopularkan Johor di luar negeri. Dia sentiasa mengiringi lawatan Sultan di Eropah dan telah dikurniakan pingat Darjah Kedua oleh Sultan Turki. Perkakas-perkakas kebesaran kerajaan Johor dan hal-hal berkaitan dengan negerinya telah dipamirkan di satu Pamiran Besar di Santiago. Kemungkinan juga atas arahan Datuk Amar dua peta bertulisan Jawi oleh Datuk Bentara Luar dipamirkan di Adelaide, Australia.

Sebelum ia dibersarakan ia juga telah merintis penubuhan P.Bm.P.B. (Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa) Johor dalam tahun 1888 iaitu badan persuratan terulung di tanahair.

Dapatlah kita membuat kesimpulan di sini Datuk Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak adalah tokoh negeri Johor yang dinamik dan berpandangan jauh. Usaha mematahkan cita-cita kolonialisma Inggeris menyebabkan ia tersingkir dari pentadbiran Johor. Hingga kini sedikit sekali kajian khusus dibuat mengenai Datuk Sri Amar. Dan hanya terdapat sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Muar yang telah mengabadikan nama Datuk Sri Amar Diraja.



## CURRENCY IN EAST MALAYSIA

by  
William Shaw & Md. Kassim Hj. Ali  
*Muzium Negara Malaysia.*

Until very recently the majority of the indigenous people of northern Borneo made little use of coined money, depending rather upon simple barter, or some form of barter currency, in their commercial transactions. This currency was usually in the form of trade goods such as Chinese jars and gongs, weapons or even miniature replicas of muzzle-loading cannon made locally from imported metal.

In former days accumulated capital was usually reckoned in terms of buffaloes and other livestock, but as trade relations between the hinterland villages and the more sophisticated coastal settlements increased, more durable forms of wealth became fashionable. These, to be truly functional, had to be eagerly sought after by a sufficient number of people to ensure a ready market whenever economic necessity forced their disposal.

The earliest type of barter currency was probably formed by cowrie shells which, although plentiful around the coastline, were highly esteemed in the interior. Cowries had a phallic significance and were used as ornaments, or fertility charms, on women's ceremonial costumes. Men too, wore cowries, but on their war dress and on the sheaths, or scabbards, of their weapons as life-preserving talismans.

Two thousand years or more ago, when cowrie shells were used

as money in China, merchants from that country sailed to the coast of Borneo to seek them in exchange for beads, pottery and metal implements. By the 8th century A.D. a well-organised seaborne trade existed between the two territories.

The dependence of the trading junks on the monsoon winds made it convenient for the merchants to arrive at, and depart from, Borneo once a year. Upon arrival, goods were landed and stored in newly erected godowns until they could be bartered for local produce. Then the temporary settlement<sup>17</sup> was abandoned and the merchants returned home.

Often foreign traders were denied access to the interior and were forced to surrender their goods to the coastal villagers who, acting as middlemen, carried the surpluses that they themselves did not require, up river to the inland tribes. On their return they delivered in settlement a quantity of hinterland produce from which they had already withdrawn their commission.

Chinese records show that the villagers, who had reason to fear that because of these extortions the merchants would not return, sometimes held members of their crew as hostages, releasing them only upon the reappearance of the junks during the next trading season.

Foreigners who were permitted to trade up-river,

occasionally found that warning of their approach to a village was the signal for the inhabitants to run away and hide. In such cases they were forced to rely upon the age-old 'silent trade' method of barter, which entailed displaying their goods upon the ground and, after striking several notes upon a gong to attract attention, retreating to a discreet distance.


The natives then examined the articles and laid beside anything that they desired the amount of local produce that they were willing to pay for it; following which they in turn retreated. If the amount were accepted the bargain was closed, if not they were given a chance to increase their bid, or to withdraw it.

Prominent among the items acquired as a means of storing wealth were beads, some of them

very old, that had been brought into the country over many centuries by Chinese and Arab traders. They were made of glass, stone, or even cut out of sea-shells.

Some single beads were valued as high as 100 Spanish dollars, a fortune in days when 6 of these silver coins would buy a buffalo, and others as little as 50 cents. On ceremonial occasions they were worn by wives as an indication of the social success of their husbands — a form of advertising not unknown in more sophisticated Western societies.

Among the Dayaks, beewax formed a regular currency in a manner somewhat similar to the commercial tin ingots formerly current in the central Malay states of the Peninsula. According to Captain Hamilton, who traded in the islands during the 1720s, the



*BONGKAS: A kind of beads which were valued between 50¢ and \$1/= each.*

[Muzium Negara Malaysia]

beewax was cast into oblong blocks weighing just over 34 lb., each of which had a customary value of 2 Spanish dollars, which at that time was the equivalent of about 10 shillings sterling.

A unit of currency widely used in the north-east of the island was the 'cangan', a bolt of coarse Chinese cotton cloth that had an exchange rate equal to one silver dollar. The amount of cloth in a 'cangan' varied from time to time, but was usually in the region of 12 yards. This form of currency was at one time used throughout the Sulu Archipelago and the southern part of the Philippines.

Another popular form of barter-money consisted of imported Chinese earthenware jars, of which there were several different types, each with its own function. One variety, which stood about 4 feet high and had a considerable volume, was used as burial urns. Another type, more highly decorated but of only half the height, was held in reverence as the reputed habitations of powerful genies to whom an infinite capacity for working good or evil spells on human beings was attributed. During the 19th century believers in this cult offered prices exceeding 1000 silver dollars for each of these jars.

The use of conventional coined money came into being in northern Borneo when the Chinese merchants who travelled on the yearly trading junks took local wives to look after their interests while they were away in China. These ladies retained a stock of merchandise and carried on out-of-seasons trading, the results of which were collected by their husbands

the following year. As families were produced, and Chinese orientated communities became a permanent feature, the currency of China, in the form of copper or iron cash, was introduced.


When ships of Magellan's Far East fleet visited Borneo in 1521, the Spaniards found the 'cash' to be the sole coined money in use in the then extensive Brunei empire. By the end of the 16th century, however, the Spanish-American silver dollar, imported from Mexico by way of Manila, was introduced into Borneo, where it soon became the standard unit of value for use in foreign trade, and also an official weight.

Gold, for example, was weighed on the dachin, or steelyard scales, using an actual silver dollar as the counterweight. Each dollar-weight of gold was then exchanged for an agreed number of silver coins, usually ten.

Even the silver dollars were of little use in the interior, however, where the villagers often demanded payment in terms of weight of brass. This was sometimes settled in the form of Chinese gongs, which were greatly valued for their supposed antiquity, but more usually in articles manufactured locally from the brass obtained from cash coins.


The coins were purchased in bulk from China trading junks, resmelted, and cast in the form of bells or miniature cannon. At first the actual articles named were bartered, but eventually their inconvenient shape and bulk, and above all their indivisibility, caused them to be superseded by a more easily manageable form of currency.

Bargains were still made in



Gongs such as the one shown here may have been worth as much as \$200/= or more.

[Muzium Negara Malaysia]



Miniature brass cannons such as the one shown here became a sort of legal tender in East Malaysia.

[Muzium Negara Malaysia]

terms of brass cannon, but the actual payment was made in strings of Chinese cash. As the use of coined money became more general, the agreed weight of brass was assessed in silver dollars, usually at a rate of between 20 and 25 cents a pound.

From the beginning of the 18th century circular or octagonal tin cash of distinctive design were cast for use in some of the trading settlements. These featured on the obverse the crude representation of some animal that may, perhaps, have been local craftsmen's attempts to depict the camel. On the reverse they bore a complicated

Arabic inscription in the form of a 'mill-sail' pattern, an ornamental device used on some Persian and other Middle Eastern coins. The inscription Sultan al-Adil-Malik al-Dhahir i.e. 'The Just Sultan, The Acknowledged King' was contained within the four arms of the sail wheel.

The minting of tin cash had ceased by the early 1800's, and was not renewed until 1868. In the interim period their function as market currency was taken over by small unstamped squares of iron, each valued at 1 cent of the Spanish dollar.



Reverse of Brunei Coins showing mill-sail design with the following Arabic writing: "Sultan ul-adil Malik ul-dhahir" (The Just Sultan, Acknowledged Ruler).

[From a private collection]



Obverse of Brunei coins with the figure of an animal.

[From a private collection]

## SARAWAK

In 1841 a large territory in the north-west of the island was ceded by the Sultan of Brunei to an Englishman, James Brooke, in return for his assistance in crushing a serious rebellion in the Kuching district. Brooke was given the title of Raja Sarawak, and he and his successors formed an hereditary dynasty of three reigns that ruled Sarawak until 1946 when, in the wake of the Japanese military occupation, it became a British Crown Colony. One of the Raja's royal privileges was the right to issue an independent currency.

Lacking the means of striking a suitable coinage locally, Raja Brooke followed the lead of certain of the Singapore merchants and had a minor currency of distinctive design manufactured in England. This consisted of a single low denomination copper coin called a 'keping'.

The obverse of this token featured a badger, part of the crest of the Brooke family; the initials J.B. for James Brooke; and the date September 24th 1841, the day on which the new Raja was installed. A more comprehensive and useful copper coinage was introduced in 1863. This consisted of 1, ½ and ¼ cent denominations that were similar in size and value to those current in the Straits Settlements.

Although no coins of greater value than 1 cent were issued before 1900, the Sarawak Treasury put banknotes in denominations of 5 and 10 dollars into circulation as early as 1880. Such paper money would have been familiar to many of the more sophisticated merchants for, by that time private

banknotes had been in circulation in the Straits Settlements and Hong Kong for more than 30 years.

The main difficulty in relying upon foreign dollars as the standard unit of currency was that the Territory's own government could not guarantee that sufficient would be available at any one time, and had no control over the amount of silver they contained, the basis for their general acceptance. By 1894 an acute shortage of trade dollars forced the Treasury to resort to the issue of paper dollars. Sarawak therefore issued one-dollar notes 12 years ahead of the Singapore based government of the Straits Settlements.

In 1900, the year in which an adequate subsidiary silver coinage was first introduced, the Treasury also put into circulation currency notes for 25, 50 and 100 dollars.

## SABAH

Most of the territory now known as the state of Sabah was ceded by the Sultan of Brunei to his vassal, the Prince of Sulu, at the end of the 17th century. The Sultan, who had been deposed by his Bendahara, regained his throne only through the support of Sulu, and for this service was forced to recognise that state's independence and to grant its ruler dominion over a huge area of north-western Borneo.


In December, 1877, the Brunei ruler gave possession of a large tract of Sabah territory to some European merchants in exchange for a fixed yearly income. The traders soon discovered, however, that this territory was already in the hands of the Sultan of Sulu.

This necessitated fresh negotiations, which were made more difficult by a Spanish siege of the Sulu Archipelago. Agreement with this second Sultan was achieved in 1878, just before Sulu capitulated and accepted incorporation into the Philippines which was then under Spanish rule.

The British North Borneo Company took over the Sabah territory in 1881, with the right to issue its own coinage. The Mexican Republican dollar was adopted as the standard unit of value, and in 1882 the first fractional coin, a

copper cent, was put into circulation. By 1886 banknotes in denominations of 1, 5 and 25 dollars had been issued by the Treasury, which handled all currency matters until 1921, when a State Bank was founded.

In addition to the currency issued on behalf of the Chartered Company, a semi-official status was accorded to the monetary tokens struck for use on the numerous estates and plantations operating in the state. An octagonal dollar and a circular 10 cent piece of the Tenom Rubber Company are illustrated.



Monetary tokens issued by the London Borneo Tobacco Co. between 1882 - 1902.



Monetary tokens issued by the Tenom Rubber Co. Ltd. between 1882 - 1902.

When these tokens were issued, the official coinage consisted only of 1 and ½ cent pieces which were inadequate for the internal needs of the country. The metal tokens, which were in denominations of 1, 5, 10, 20 and 50 cents and 1 and 2 dollars were probably far more acceptable to unsophisticated estate workers than the Company's paper money. By the 1920's the shortage of small change had been overcome and so estate issues were gradually withdrawn. On gaining their independence in 1963, both Sabah and Sarawak joined the Federation of Malaysia.

For the indigenous people, many of the items of uncoined money already mentioned had value in a sense that was not strictly currency; this was as 'blood-money' and as 'bride-price'. The former was a type of indemnity paid by a person, or tribe, to escape

blood vengeance, or by the losing side after a battle. Payment was often in the form of weapons or slaves, but most of the other barter currency was also utilized. The bride-price was an essential factor in marriage and was traditionally settled in brass gongs or cannon, beads, or such other valuables as were decreed by local custom.

Dried and shrunken heads were not normally considered currency, although they were on occasions bought and sold. Their value lay in the world to come, for each was considered to be inhabited by the soul of its former owner who would accompany the possessor, on his death, to the world of spirits and there act as his slave. The owner of a large collection of heads was therefore a man of some consequence, for he had literally stored up for himself treasures in heaven.



# JATUHNYA KUBU JERAM AMPAI PADA 1894: SUATU PERISTIWA PENTING DALAM SEJARAH PAHANG

oleh

Dr. J. Chandran

*Jabatan Sejarah*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Menjelang penghujung abad kesembilan belas perluasan kuasa penjajah British di Semenanjung Tanah Melayu telah menghadapi gangguan sementara di negeri Pahang dengan tercetusnya suatu peristiwa yang dikatakan "Pemberontakan Pahang". Sungguhpun di dalam pensejarahan penjajah penentangan orang-orang Melayu terhadap kuasa British lazimnya dianggap sebagai "pemberontakan" namun tidak dapat dinafikan bahawa di dalam peristiwa di negeri Pahang itu terdapat beberapa masalah penafsiran yang khusus. Pada dasarnya dapatlah dikatakan bahawa penyelidikan secara ilmiah yang telah dilakukan baharu-baharu ini lebih mirip kepada pendapat bahawa perjuangan pahlawan-pahlawan Pahang itu adalah bersifat anti-asing.<sup>1</sup> Seharusnya patut juga diakui bahawa perjuangan bersenjata yang tercetus di negeri Pahang pada tahun-tahun 1890an itu melibatkan persaingan politik bumiputera akibat pengenalan unsur-unsur baharu oleh kuasa penjajah yang mempunyai nilai-nilai politiknya yang tersendiri. Namun demikian tujuan asal makalah ringkas ini adalah untuk menghuraikan suatu aspek ketenteraan di dalam peristiwa itu dengan menumpukan kepada pertempuran di Jeram Ampai pada pertengahan tahun 1894. Aspek ini jarang diberi perhatian khas oleh pengarang-pengarang lain. Sesungguhnya per-

gerakan-pergerakan ketenteraan bukan sahaja mempengaruhi sikap politik British terhadap peranan mereka di negeri Pahang bahkan menjejaskan perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu sendiri secara langsung. Perlawanan antara orang-orang Melayu dengan pihak British dapat dianggap sebagai salah satu perang gerila yang ulung pernah berlaku di Tanah Semenanjung memandangkan kawasan pertempuran di hutan belantara dan

1. Lihat khasnya Yang Aisyah Muttalib, *Pemberontakan Pahang, 1891-1895*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1972. Karya ini adalah berasaskan tesis yang dikemukakan kepada Universiti Malaya untuk Sarjana Sastra pada tahun 1970. Antara penulis-penulis Inggeris yang terkenal mengenai perkara ini W. Linehan menyebutkannya sebagai "The Revolt of the Orang Kaya Semantan". Lihat "A History of Pahang" [Sejarah Pahang], *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society* [Jurnal Persatuan Asiatik Diraja, Cawangan Malaya] (Singapura), Jil. 14, Bahagian 2, Mei 1936, m.s. 1 - 256. Karya-karya Melayu juga pernah menyebutkan perjuangan pahlawan-pahlawan Pahang itu sebagai penderhakaan terhadap Sultan yang sah. Lihat, umpamanya, *Hikayat Pahang dan Ustaz Mohd. Mokhtar Daud*, Singgahsana Negeri Pahang, Pekan, 1957. Sementara dua buah karya yang lain pula cuba menyarankan bahawa pergerakan Toh Bahaman itu adalah berpunca daripada semangat kebangsaannya. Lihat Abdul Rahman Talib bin Haji Ahmad, *Sejarah Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan*, Pustaka Garuda, Kuala Lumpur, 1960 dan Haji Buyong bin Adil, *Sejarah Pahang*, Siri Sejarah Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.

cara-cara perjuangan yang diamalkan oleh Toh Bahaman dan pasukan pejuangnya. Oleh yang demikian adalah dirasai huraian ini tentang bagaimana kubu Melayu di Jeram Ampai dapat ditawan oleh British pada bulan Jun 1894 akan menarik minat orang ramai kepada aspek-aspek ketenteraan di dalam sejarah perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu.<sup>2</sup>

Sebagaimana diceritakan dalam karya-karya sejarah mengenai "Pemberontakan" Pahang itu, kekacauan bersenjata mula tercetus pada akhir tahun 1891 apabila Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan, Abdul Rahman atau Bahaman, bangkit menentang pemerintahan British akibat perubahan-perubahan politik yang dilakukan oleh kuasa penjajah ke atas sistem politik bumiputera.<sup>3</sup> Perjuangan ini mendapat sokongan penuh dari orang-orang tempatan di sekitar Ulu Pahang dan juga sokongan Imam Perang Indera Gajah dari Pulau Tawar. Meskipun mereka berjaya mengganggu keamanan di negeri Pahang buat sementara waktu akhirnya pejuang-pejuang bersama seisi keluarga mereka terpaksa melarikan diri ke pedalaman negeri Terengganu pada akhir tahun 1892 memandangkan bertambahnya kekuatan askar-askar British. Dengan berpindahnya Toh Bahaman dan pengikut-pengikutnya dari daerah Semantan dan Pulau Tawar pembesar yang muncul sebagai tokoh politik yang berpengaruh di Ulu Pahang ialah Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai. Seorang pembesar lagi yang beruntung dari segi kuasa politik akibat perubahan di Ulu Pahang itu ialah Datuk Panglima Garang Yusuf di Pulau Tawar.

Menjelang awal tahun 1894 pihak British menerusi jasa baik Toh Raja Jelai yang sanggup bekerjasama sebagai orang perantara cuba membuat perdamaian dengan Toh Bahaman agar ancaman kekacauan dapat dibasmikan. Usaha ini bagaimanapun tidak berhasil oleh kerana Toh Bahaman dan Toh Gajah yang berada di Terengganu pada ketika itu tidak percaya pada kata-kata wakil Toh Raja Jelai. Sementara itu ketua-ketua Melayu itu telah pun dipengaruhi oleh seorang wali yang terkenal di Pagoh, dekat Kuala Terengganu, bernama Ungku Saiyid, yang memberi nafas baharu kepada mereka buat melanjutkan perjuangan mereka terhadap kuasa penjajah di Pahang. Akibat ilham dan galakan yang mereka dapat daripada Ungku Saiyid itu maka Toh Bahaman mula membuat ketetapan baharu untuk meneruskan penentangan bersenjata di Ulu Pahang.


Pada subuh pagi 14 haribulan Jun 1894 pertempuran antara pahlawan Melayu dengan kekuatan British tercetus semula dengan

2. Sumber asasi bagi makalah ini adalah rekod-rekod Pejabat Tanah Jajahan British yang tersimpan di Pejabat Rekod Awam di London yang diberi rujukannya sebagai Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu, *Persuratan Asal*, C.O. 273, Jilid 196. Salinan sumber tersebut dalam bentuk mikrofilem kini boleh didapati di beberapa perpustakaan di Malaysia termasuk Arkib Negara. Sumber tambahan khusus mengenai pertempuran di Jeram Ampai dipetik daripada "The Pahang Expedition 1894" oleh Benar, *Malayan Police Magazine* [Majalah Polis Malaya], (Kuala Lumpur), Jilid II, Bil. 7, Julai 1929, ms. 240-245.
3. Untuk keterangan selanjutnya lihat Yang Aisyah Muttalib, *Pemberontakan Pahang*, Bab IV.


DUA LUKISAN MEMPERLIHATKAN KUBU-KUBU

MELAYU DI JERAM 1894.

oleh Lt. Kol. R.S.F. WALKER.



*Kubu-kubu di sebelah tebing kiri Sungai Tembeling.*



*Kawasan kecil dengan dua buah anak kubu di sebelah tebing kanan Sungai Tembeling.*

Penghargaan Sidang Pengarang di-  
ucapkan kepada *Malayan Police*  
*Magazine*, Vol. II, No. 7, Julai  
1929.

serangan tergepar yang dilancarkan oleh Toh Bahaman bersama lebih kurang 200 orang pengikutnya termasuk beberapa pahlawan yang termasyhur seperti Mat Kilau, Teh Ibrahim dan Awang Nong. Serangan mereka mencapai kejayaan muktamad apabila balai polis di Kuala Tembeling dikuasai oleh mereka dengan mudah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tindakan Toh Bahaman itu sungguh menggemparkan pihak British yang pada saat itu tidak bersedia untuk membalasnya dan kedudukan pemerintahan British di Pahang pula agak genting oleh kerana Residen yang memainkan peranan penting setakat itu, Hugh Clifford, berada di Kepulauan Kokos-Keeling. Memandangkan segala kelemahan tersebut bagi pihak British tidak ada sebarang alasan mengapa pasukan Toh Bahaman akan gagal menguasai seluruh Ulu Pahang.

Malahan sebagaimana Gabenor Sir Charles Mitchell di Singapura sendiri menyatakan samada gerakan anti-British itu akan berjaya atau tidak bergantung kepada sikap dan tindakan Toh Raja Jelai selanjutnya. Ini sangat terbukti dalam langkah yang diambil oleh Toh Bahaman seterusnya. Pasukannya mudik Sungai Jelai hingga sampai Kampung Kedondong dari mana beliau menghantar utusan ke Pulau Tawar buat memujuk Toh Raja Jelai dan Panglima Garang Yusuf supaya menyertai perjuangan terhadap kuasa penjajah. Menjelang 20hb. Jun setelah jelas kepada Toh Bahaman bahawa pembesar Jelai itu tidak mungkin bersamanya dalam tujuan menentang kuasa British maka pasukannya pun berundur ke tapak pertahanan mereka di Jeram

Ampai di sebelah tebing kiri Sungai Tembeling sejauh 3 batu dari Kuala Tembeling. Di Jeram Ampai mereka mendirikan sebuah kubu 50 kaki persegi dengan bentengnya setinggi 10 kaki diperbuat dengan tanah. Kubu besar ini dikelilingi oleh dua buah anak kubu kesemuanya berhadapan dengan hutan rimun sementara bahagian belakang kubu pula membuka kepada tebing sungai yang curam. Jarak jauh antara kubu adalah lebih kurang 35 ela dan lebat dengan belukar. Bahagian depan tiap-tiap kubu dipasang dengan ranjau untuk menghalang sebarang serangan musuh. Di seberang sungai selari dengan tapak kubu-kubu di tebing kiri terdapat suatu kawasan hutan yang dibersihkan buat menegakkan dua buah kubu kecil berukuran 16 kaki panjang dan 10 kaki lebar.<sup>4</sup>

Sementara ketetapan para pahlawan Pahang untuk mempertahankan kedudukan mereka di Jeram Ampai walaupun mereka tidak menghadapi sebarang tindakan balas dari pihak British sejak 14hb. Jun itu ialah suatu keputusan yang sungguh anih sekali. Sekiranya mereka telah terus menyerang kampung-kampung yang enggan menyertai mereka, besarlah kemungkinan kekacauan itu akan lebih berkesan dan Temerloh sendiri akan terancam. Kesilapan Toh Bahaman dalam percubaan

---

4. Lihat Gambarfoto I dan II dan peta tapak Jeram Ampai yang disalin daripada lampiran di dalam Lt. Kol. Walker (Kuala Tembeling) kepada Setiausaha Kerajaan Penjajah (Singapura), 29hb. Jun 1894, Lampiran di dalam Sir Charles Mitchell kepada Lord Ripon (Setiausaha Penjajah), No. 199, 9hb. Julai 1894 (diterima di London pada 8hb. Ogos 1894), C.O. 273/196.

yang sia-sia hendak menarik sokongan Toh Raja Jelai dan menegakkan benteng pertahanannya di Jeram Ampai merupakan sebab yang penting mengapa pihak British akhirnya dapat mengalahkan pasukan Melayu itu. Sejak balai polis di Kuala Tembeling ditawan oleh Toh Bahaman pegawai-pegawai British di Pahang dan negeri-negeri yang berhampiran telah pun berusaha dengan serta-merta untuk memperkuat lagi kedudukan askar-askar penjajah di sekitar Ulu Pahang. Peluang berbuat demikian tanpa sebarang gangguan hanya terdapat oleh kerana Toh Bahaman tidak bertindak terlebih dahulu meskipun pada peringkat awal itu daya utama masih dalam tangannya sendiri.

Maka pada 25 haribulan Jun pasukan-pasukan tambahan askar British telah pun mengepung Jeram Ampai dengan berpusat di Kuala Tembeling. Di Kuala Tembeling misalnya terdapat 90 anggota polis Sikh dengan pegawai-pegawai British seperti Egerton dan Wise, kedua-duanya pegawai pentadbir Pahang, Kapten Lyons dari Pasukan Polis Sikh Selangor, dan Kapten McAndrew dari Pasukan Lincolnshire. Di Kuala Lipis pula telah ditempatkan 84 anggota Sikh. Suatu pasukan yang terdiri daripada 85 orang askar-askar di bawah Kapten H.L. Talbot, Inspektor Graham dan seorang pegawai Sikh telah dikejarkan ke Ulu Pahang. Mereka ini ialah sumbangan daripada Pasukan Polis Sikh Perak yang telah bertolak dari Markas Besarnya di Taiping pada 20hb. Jun dengan sebuah kapalapi bernama "Horsburgh" melalui Pelabuhan Weld. Pasukan itu telah tiba di Kuala Lumpur pada 22hb. Jun.

Dari Kuala Lumpur mereka telah menaiki keretapi ke Serendah dan kemudiannya mereka telah berjalan kaki ke Kuala Kubu dan Tras, dan tiba di Raub pada lewat petang 24hb. Jun.<sup>5</sup> Seramai 25 anggota Pasukan Polis Sikh Singapura telah dihantar ke Temerloh di bawah perintah Penolong Penguasa Stewart sementara pasukan-pasukan keselamatan di Kuantan dan Pekan telah ditambah. Pada 28hb. Jun kekuatan askar British bertambah menjadi seramai 223 anggota terdiri dari 6 pegawai British, 15 pegawai yang tidak bertauliah, dan 174 Lans-Korporal dan soldadu dengan 3 orang peniup terompet, keseluruhannya di bawah arahan Leftenan Kolonel Walker, Pegawai Pemerintah Pasukan Polis Sikh Perak, yang datang ke negeri Pahang dari Taiping khas untuk mengetuai pasukan British menentang pejuang-pejuang Toh Bahaman. Tambahan pula Toh Raja Jelai dan Panglima Garang Yusuf kedua-duanya mempunyai pasukan masing-masing yang siap sedia untuk membantu askar-askar British.

Mengikuti perintah-perintah yang dikeluarkan oleh Kol. Walker serangan atas Jeram Ampai akan berpandukan dua gerakan, iaitu serangan beramai-ramai melalui tebing kiri yang akan mendekati kubu-kubu Melayu dari depan sementara suatu lagi pasukan akan bergerak di sebelah tebing kanan dengan tujuan menyerang bahagian kubu-kubu di Jeram Ampai dari seberang sungai. Pasukan penyerang di sebelah tebing kiri diketuai oleh Kapten Lyons dan mengandungi

---

5. "The Pahang Expedition 1894", *Malayan Police Magazine*, ms. 240.

seramai 24 anggota dari Pasukan Polis Sikh Selangor, 40 anggota dari Pasukan Polis Sikh Perak di bawah Kapten Talbot, 20 anggota dari Pasukan Polis Sikh Perak juga serta sebuah meriam gunung, dan seramai 6 orang lagi sebagai pengiring (escort). Penguasa Polis dari Pahang, R.W. Duff, mengetuai pasukan penyerang dari tebing kanan yang terdiri daripada 45 anggota Pasukan Polis Sikh Pahang dan 21 anggota dari Pasukan Polis Sikh Selangor. Sementara itu Panglima Garang Yusuf dengan 70 orang pengikutnya turut serta dengan serangan dari tebing kiri dan Imam Perang Toh Muda Akhir mengiringi Duff. Kedua-dua pasukan diikuti oleh 6 orang Dayak sebagai pemandu.


Pada pukul 6.30 pagi 29 hari bulan Jun pasukan Kapten Lyons bertolak dari Kuala Tembeling menuju ke Jeram Ampai diikuti rapat oleh Kol. Walker dan baki anggota Sikh yang tidak termasuk dalam pasukan Lyons atau Duff. Mereka menghadapi masalah yang pertama apabila pada 9.20 pagi didapati bahawa meriam gunung yang ditarik itu begitu berat sekali hingga perjalanan seluruh pasukan terlalu perlahan. Mengikut kata orang Panglima Garang Yusuf pasukan tidak mungkin tiba di Jeram Ampai sebelum lewat petang sekiranya meriam itu hendak dibawa bersama. Oleh yang demikian Kol. Walker membuat keputusan untuk menghantar kembali meriam tersebut. Setelah itu dalam masa kurang satu jam sahaja pasukan Lyons telah dapat melihat kubu-kubu Jeram Ampai. Pada ketika itu Panglima Garang Yusuf dan pengikut-pengikutnya bersama 10 orang Sikh dipisahkan

dari pasukan Lyons untuk menuju ke sebuah sungai di sebelah utara Jeram Ampai sebagai langkah menghalang pelarian orang-orang Toh Bahaman ke arah sungai tersebut.

Duff pula bertolak dari Kuala Tembeling pada pukul 8 pagi dengan pasukannya seramai 78 orang anggota Sikh, Penolong Penguasa Stewart dan tiga orang pemandu yang diberikan oleh Toh Raja Jelai, iaitu Mat Tahir, Yacob dan Dabeb. Mereka sepatutnya dikehendaki singgah sebentar di Kuala Dehang, tidak jauh dari Jeram Ampai, sebelum meneruskan perjalanan mereka ke tebing kanan. Akan tetapi menjelang tengahari pemandu-pemandu Melayu yang dihantar oleh Toh Raja Jelai itu telah sesat di dalam hutan dan Duff terpaksa mengikuti jalan yang jauh. Kononnya mereka tidak tahu bagaimana hendak berpatah balik ke tebing sungai. Oleh sebab kesilapan ini pasukan Duff tidak sempat membuat serangan serentak dengan pasukan Lyons dari sebelah tebing kiri dan sebahagian besar daripada rancangan Walker telah terjejas.<sup>6</sup>

Pada pukul 11 pagi pasukan Lyons tiba di kawasan belakang yang berukuran lebih kurang 300 ela lebar dan 400 ela panjang dengan sebuah lorong yang menuju ke suatu kawasan kira-kira 50 ela dari anak kubu yang pertama. Apabila pasukan ini tiba sahaja di tempat itu Pasukan Toh Bahaman pun melepaskan tembakan terhadap kumpulan pertama menyebabkan mereka mara ke hadapan lalu

6. R.W. Duff kepada Panglima Gerakan Khas (Lt. Kol. Walker), 30hb. Jun 1894, Lampiran di dalam Mitchell kepada Ripon, 9hb. Julai, 1894, C.O. 273/196.



dihalang pula oleh ranjau-ranjau. Walker yang telah menyedari akan kesulitan yang dihadapi oleh kumpulan pertama di bawah Lyons itu telah menyuruh kumpulan kedua yang berikutan supaya melancarkan serangan ke atas anak kubu tersebut daripada hala yang lain. Akibat gerakan baharu ini tembakan yang ditujukan kepada kumpulan pertama tadi terpaksa dikurangkan kerana pejuang-pejuang Melayu harus menghalang kumpulan kedua yang sedang mara ke hadapan. Dalam sedikit masa sahaja selepas serangan kumpulan kedua dilancarkan penghuni-penghuni anak kubu yang paling terhadap sekali telah dapat diusir daripada tempat mereka dan mereka terpaksa melarikan diri ke anak-anak kubu yang berhampiran dengan tebing sungai.

Sungguhpun pasukan British melakukan suatu serangan yang berjalan dengan lancar hingga hampir kesemua pihak Toh Bahaman terpaksa berlindung di kubu yang terbesar di tepi sungai, perjalanan kumpulan-kumpulan askar British yang terdiri dari anggota-anggota Pasukan Polis Sikh Selangor khasnya sangat kelamkabut. Ini disebabkan mereka ingkar menurut perintah pegawainya dan sebaliknya melepaskan tembakan membabi-butu hingga Wise yang berjalan bersama-sama mereka telah tertembak di bahagian lututnya. Setelah pertempuran di Jeram Ampai tamat dan Walker kembali ke Kuala Tembeling beliau melapurkan kepada Gabenor bahawa tembakan liar oleh anggota-anggota Pasukan Polis Sikh Selangor begitu tidak terkawal sekali hingga hampir terkena beliau sendiri. Bagaimanapun serangan

British telah diteruskan dan adalah dikatakan bahawa orang-orang Melayu telah menentang berhabis-habisan hingga saat akhir sebelum mereka terpaksa berundur dari kubu mereka dan melarikan diri ke tebing sungai di mana perahu-perahu mereka sudah bersiap sedia untuk membawa mereka ke seberang sungai. Pasukan British mengejar mereka sampai ke tebing sungai dan oleh kerana tebing pada tempat itu terlalu curam mereka hanya dapat melepaskan tembakan ke arah perahu-perahu yang telah pun menjauhkan orang-orang Melayu ke tempat yang selamat. Mulai saat itu dapatlah dikatakan pihak British telah berjaya menawan kubu Jeram Ampai. Hanya 11 orang sahaja pejuang Melayu yang terbunuh manakala yang lain berjaya melepaskan diri. Kemalangan di pihak British pula ialah 5 orang terbunuh, iaitu termasuk Wise dan 4 orang askar Sikh.

Lebih kurang setengah jam setelah jatuhnya kubu Jeram Ampai baharulah Panglima Garang Yusuf dan pasukannya tiba di sebelah sungai yang terletak di utara kubu itu. Sebenarnya mereka telah diperintah mengawal sebelah utara kubu Jeram Ampai oleh kerana kemungkinan pengikut-pengikut Toh Bahaman akan cuba melarikan diri mengikut hala sungai yang terletak di utara itu. Di tepi sungai tersebut pihak British dapat menawan beberapa perahu antaranya suatu yang dipercayai kepunyaan Toh Bahaman yang mengandungi bekalan peluru dan kopiah resminya yang dikatakan "diperbuat dengan akar dan dihiasi dengan manik." Perahu Toh Gajah juga dijumpai di tepi sungai itu dan

antara barang-barang yang dirampas ialah senapang "Winchester" kepunyaan Toh Gajah dan bekalan makanan. Berbagai jenis makanan telah pun ditinggalkan oleh pihak Melayu apabila mereka melarikan diri dari Jeram Ampai dan pasukan British telah merampas guni-guni yang mengandungi tepung, beras dan ikan kering di dalam dua buah pondok berhampiran dengan sungai yang terletak di utara Jeram Ampai. Selain daripada itu di dalam kubukubu yang ditawan didapati pasukan Melayu telah meninggalkan 10 pucuk senapang, 3,000 butir peluru senapang "Snider" dan 1,500 butir peluru "buckshot".

Pasukan Duff sama sekali tidak sempat menyertai pertempuran di Jeram Ampai oleh kerana mengikut kata-kata pemandu-pemandu Melayu mereka telah sesat dalam hutan di sebelah tebing kanan Sungai Tembeling. Duff sendiri pernah melapurkan kemudian bahawa pemandu-pemandu itu telah berbuat demikian disebabkan mereka takut terlibat dalam pertempuran di Jeram Ampai dan hanya setelah diberi amaran keras oleh Duff sahaja baharulah mereka membawa pasukannya ke arah Jeram Ampai. Akhirnya Duff tiba di Jeram Ampai pada pukul 2.30 petang setelah mengambil masa enam jam setengah bagi jarak jauh yang lazimnya akan memakan masa selama 3 jam sahaja. Pihak Pejabat Tanah Jajahan di London sangat menyesali sikap pemandu-pemandu Melayu yang dipercayai telah memutarbelitkan Duff. Mereka juga tidak puashati terhadap kejayaan di Jeram Ampai yang agak tidak sempurna itu memandangkan ramainya orang-orang Melayu yang berjaya melari-

kan diri. Perkara ini dipandang berat oleh pihak berkuasa British terutama sekali dari sudut perbelanjaan bagi pasukan-pasukan askar yang terpaksa ditempatkan di Ulu Tembeling dan betapa sukarnya usaha untuk memburu pasukan Toh Bahaman itu.<sup>7</sup> Gabenor dan Pejabat Tahan Jajahan sama-sama melahirkan rasa tidak puashati mereka terhadap kejadian kurang bertatertib di kalangan anggota-anggota Pasukan Polis Sikh Selangor yang telah menyebabkan kematian Wise dan mengeluarkan arahan agar perkara itu disiasat tindakan selanjutnya terhadap mereka yang bertanggungjawab. Pada kesimpulannya tidak boleh dinafikan juga bahawa pihak berkuasa British sangat khuatir akan kemungkinan pengikut-pengikut Toh Bahaman terus mengancam kedudukan di Pahang disebabkan askar-askar Sikh sama sekali tidak sesuai dengan perang gerila dalam hutan rimbin sementara orang-orang Melayu sungguh mahir dalam segala selok-belok penghidupan di dalam kawasan pendalaman.

Hal yang sungguh menarik dalam peristiwa Jeram Ampai itu ialah betapa mudahnya pahlawan-pahlawan Melayu dapat melepaskan diri sekalipun pasukan-pasukan yang menyerang mereka begitu kuat dan lengkap. Kesan peristiwa Jeram Ampai sangat ketara berdasarkan beberapa perkara yang agak anih sekiranya ditinjau dengan lebih mendalam. Misalnya pihak British dapat tahu sejurus selepas mereka menguasai kubu Jeram Ampai bahawa Toh Gajah telah pun

7. Mitchell kepada Ripon, No. 213, 17hb. Julai, 1894, (diterima di London pada 13hb. Ogos), C.O. 273/196.

bertolak ke hulu sehari sebelum serangan British berlaku dan Toh Bahaman sendiri telah mengikutinya pada pagi 29 haribulan itu juga. Apabila serangan berlaku ketua pasukan Melayu yang terkenal yang masih berada di Jeram Ampai ialah hanya Mat Kilau, Awang Nong dan Teh Ibrahim. Tambahan pula apabila mereka terpaksa mengundurkan diri dari Jeram Ampai tidak seorang pun di antara mereka yang cuba menuju ke utara kubu tersebut, di mana sebagaimana yang kita tahu, telah bersiap sedia beberapa perahu lengkap dengan bekalan makanan dan peluru. Ini membayangkan seolah-olah mereka telah menyedari tujuan Panglima Garang Yusuf yang sebenarnya diperintahkan mengawal bahagian utara itu. Ketiadaan pasukan Duff di sebelah kanan Sungai Tembeling untuk menyekat jalan keluar bagi pahlawan-pahlawan Melayu dari Jeram Ampai merupakan suatu perkara yang sungguh berkesan dalam kejayaan mereka itu melepaskan diri dari pihak British. Apa yang sangat ternyata berhubung dengan kedua-dua perkara tersebut, iaitu ketetapan orang-orang Melayu untuk keluar melalui tebing Sungai Tembeling dan kegagalan pasukan Duff tiba di situ pada waktu yang ditetapkan ialah pihak British sama-

sekali tidak terlibat secara langsung dalam kejadian-kejadian tersebut. Kedua-dua kejadian ini merupakan putar belit orang-orang Melayu sendiri. Maka daripada perbincangan ini dan memandangkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pihak British dalam usaha memburu pasukan Melayu sampai ke negeri Kelantan dan Terengganu pada tahun 1895 tidaklah keterlaluan sekiranya dirumuskan secara ringkas bahawa peristiwa Jeram Ampai pada 29 haribulan Jun 1894 walaupun merupakan suatu kejayaan ketenteraan yang terhad bagi pihak British adalah mempunyai kesan politik yang lebih penting. Perkara ini dinyatakan semata-mata kerana cara pembahagian masyarakat tempatan di Ulu Pahang dalam kebanyakan karya-karya sejarah mengatakan bahawa orang-orang yang tidak turut serta dengan Toh Bahaman semasa beliau berada di Terengganu tetap menaruh kesetiaan kepada British. Dalam lingkungan politik tempatan di negeri Pahang pada suku akhir abad kesembilan belas besar kemungkinan bahawa konsep kesetiaan yang terdapat di kalangan rakyat jelata sangat berbeda dari apa yang lazimnya dipercayai pada zaman ini.



## KELANTAN MENJELANG AWAL KURUN KESEMBILAN BELAS: SUATU TINJAUAN RINGKAS

oleh

Rahmat bin Saripan

*Jabatan Sejarah,*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Sehingga kini belum ada kajian tentang negeri Kelantan dari segi perspektif sejarahnya yang dapat dianggap memuaskan. Ada percubaan mengkajilidik sejarah perhubungan negeri Kelantan dengan kuasa-kuasa asing seperti Inggeris dan Siam menjelang awal kurun kedua puluh tetapi kajian serupa itu termasuk dalam bidang sejarah penjajahan barat ke atas negeri-negeri Melayu umumnya dan negeri Kelantan khususnya. Lagipun kecenderungan untuk menyiasat peristiwa-peristiwa sejarah penjajahan timbul serta didorong oleh kerana adanya sumber-sumber barat yang berupa rekod-rekod rasmi. Penulisan sejarah itu dibuat dari kacamata barat, sungguhpun mereka yang membuat kajilidik itu terdiri dari penuntut-penuntut pengajian sejarah di Universiti Singapura.<sup>1</sup>

Pada tahun 1969 suatu kajian mengenai bureaucracy negeri Kelantan telah diusahakan oleh Abdul Rashid bin Haji Ahmad, seorang pengajar di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Sungguhpun kajian tersebut menyentuh tentang sejarah negeri Kelantan menjelang abad kedua puluh tetapi tumpuannya bukanlah kepada perspektif sejarah Kelantan tetapi perubahan dan perkembangan bureaucracy khususnya di zaman peralihan, iaitu selepas merdeka. Namun begitu penulis ini telah menjelaskan dalam bab keduanya berkenaan dengan masyarakat

dan kerajaan tradisional dengan menumpukan kepada aspek-aspek klas dalam masyarakat, organisasi pentadbiran, hubungan raja dengan negeri dan juga kuasanya dalam masyarakat.<sup>2</sup>

Apa yang agaknya perlu diketahui berkenaan dengan sejarah negeri Kelantan adalah peristiwa-peristiwa sejarah yang penting dilihat dari segi perspektif sejarah. Kepentingan peristiwa-peristiwa sejarah itu tidak dapat dinilai dengan memuaskan oleh orang lain melainkan pengkajilidik-pengkajilidik sejarah yang memahami secara mendalam masalah-masalah kajilidikan sejarah sesebuah negeri Melayu. Oleh kerana belum ada usaha yang bersungguh-sungguh ke arah itu maka tinjauan tentang zaman silam telah dibuat oleh penuntut-penuntut kajimania dan kajimasyarakat berdasarkan teori-teori dan kaedah-kaedah disiplin mereka masing-masing sebagaimana yang dilakukan oleh Abdul Rashid

---

1. Lihat, Ali bin Abdullah, *Further Northward - Kelantan and Trengganu, 1900-1902* (B.A. Hons. Thesis), University of Singapore, 1954; Nik Mohamed bin Haji Nik Mohamed Salleh, *British and Siamese Relations With Kelantan 1900-1910*, (B.A. Hons. Thesis), University of Singapore, 1960; Puan Chan Su Ming, *Kelantan and Trengganu 1909-1938*, (B.A. Hons. Thesis), University of Singapore, 1961.

2. Lihat, Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Bureaucracy Negeri Kelantan: Suatu Kajian Perubahan dan Perkembangannya*, (Tesis M.A.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, ms. 27 - 69.

bin Haji Ahmad.<sup>3</sup> Jadi untuk memajukan kajilidikan sejarah ada baiknya sekiranya teori-teori dan konsep-konsep berkenaan dengan institusi-institusi masyarakat dan peri laku manusia yang dipakai oleh ahli-ahli kajimanusia dan kajimasyarakat diuji kebenarannya berdasarkan fakta-fakta sejarah.

Oleh itu apa yang dijangka penting dan perlu dijelaskan tentang sejarah negeri Kelantan menjelang awal kurun kesembilan belas adalah penubuhan sebuah kerajaan tradisional yang kuat di Kelantan di bawah Long Yunus dan seterusnya perkembangan-perkembangan dalam sistem politik Melayu tradisional Kelantan. Untuk melihat perkembangan-perkembangan itu agak perlu juga ditinjau dengan lebih rapat berkenaan dengan struktur kuasa yang wujud di Kelantan menjelang awal kurun kesembilan belas, khususnya di zaman-zaman pemerintahan Long Yunus (1775-1794), Sultan Muhammad I (1800-37) dan juga di peringkat awal pemerintahan Sultan Muhammad II (mula memerintah pada tahun 1839). Di samping itu tidak harus dilupakan zaman-zaman pemerintahan-pemerintahan yang bersengketa iaitu pemerintahan Tengku Mohamed (1794-1800) dan Long Jenal (1838/9). Nampaknya di zaman-zaman pemerintahan Tengku Mohamed dari Terengganu dan juga pemerintahan Long Jenal, sistem politik tradisional Kelantan mengalami persengketaan kerana kedaulatan mereka ditentang oleh segolongan kerabat diraja Kelantan yang tidak setuju dengan pertabalan mereka sebagai Yang Dipertuan Kelantan. Tengku Mohamed telah ditentang oleh putera-putera Long Yunus yang dipimpin oleh Long

Mamat. Long Jenal pula telah ditentang oleh putera-putera Long Tan yang diketuai oleh Tuan Senik Mulut Merah. Akibat dari penentangan-penentangan tersebut kedua-dua Yang Dipertuan tersebut telah disingkir dari negeri Kelantan.

Yang menarik hati dalam sistem politik tradisional ialah perkembangan-perkembangan yang melibatkan kuasa-kuasa luar dalam politik negeri Kelantan. Misalnya, persengketaan di antara putera-putera Long Yunus dengan Tengku Mohamed menjelang kurun kesembilan belas melibatkan kerajaan Terengganu dan Patani. Campurtangan Terengganu khususnya telah lama memainkan peranannya dalam politik Kelantan iaitu sejak pertabalan Long Yunus sebagai Raja di Kelantan dan perkahwinan di antara puteri Long Yunus dengan putera Sultan Terengganu yang bernama Tengku Mohamed itu.

Setelah lenyap kuasa Terengganu timbul pula kuasa Siam di awal abad kesembilan belas.<sup>4</sup> Di akhir tahun-tahun 1830an Siam nampaknya menjadi pendamai di antara pihak-pihak yang bersengketa di Kelantan.<sup>5</sup> Setelah pihak Tuan Senik Mulut Merah mendapat kemenangan dan diiktirafkan oleh

3. Teori dan Kaedah kajimanusia telah digunakan dengan baiknya dalam bidang pengajian Melayu oleh J.M. Gullick, *Indigenous Political System of Western Malaya*, London, 1958.

4. Untuk mengetahui tentang perhubungan dan pengantaran Bunga Mas di antara Kelantan dan Siam, lihat, Ismail Bakti, "Bunga Mas. Golden Flower: Gift or Tribute," *Malaya in History*, Jil. 4, No. 1, July, 1960.

5. Lihat, Abdullah bin Abdul Kadir, *Kisah Pelayaran Abdullah*, (Pen) Kassim bin Ahmad, Kuala Lumpur, 1960, ms. 74.

Siam pihak Long Jenal terpaksa mengundurkan diri dari negeri Kelantan. Kekalahan Long Jenal tidak bererti masaalah Tuan Senik Mulut Merah sebagai pemerintah yang mutlak telah selesai kerana perlantikan Tuan Kota sebagai Sultan Dewa oleh pihak Siam telah menimbulkan persengketaan politik juga. Sultan Dewa terpaksa dibawa keluar dari Kelantan dan dirajakan di salah sebuah negeri-negeri Melayu di selatan Siam.

Sungguhpun wujud masaalah-masaalah penggantian dalam sistem politik tradisional tetapi di zaman-zaman pemerintahan Long Yunus, Sultan Muhamad I dan Sultan Muhamad II terdapat juga kestabilan politik dan kemakmuran. Long Yunus telah dapat memusatkan kuasa raja Kelantan walaupun pentadbirannya telah dibahagikan kepada Long Gapar iaitu di selatan Kelantan. Namun begitu Long Yunus merupakan pemerintah Kelantan yang mutlak kerana kuasa menjatuhkan hukuman bunuh terletak di tangannya.<sup>6</sup> Sungguhpun pemusatan kuasa terlepas dari tangan Sultan Muhamad I tetapi di zaman pemerintahannya dikatakan Kelantan mengalami suatu zaman yang aman dan makmur. Sultan Muhammad I mempunyai beberapa orang adik-beradik dan kejayaannya mendapat takhta kerajaan adalah atas bantuan mereka. Untuk membalas jasa mereka Long Jenal diberi jawatan Raja Bendahara dan berkuasa di Banggol, Long Tan berjawatan Raja Temenggong dan diberi pegangan ke atas Galas, dan Long Ismail dilantik menjadi Raja Muda. Nampaknya tidak ada seorang anak raja pun yang telah menentang kedaulatan Sultan Muhamad I sebagai pemerintah

Kelantan.

Dalam sistem politik tradisional pengakuan golongan bangsawan terhadap kedaulatan pemerintahan sangat penting kerana tanpa pengakuan itu maka kedudukan Sultan agak lemah. Pemerintah yang ditentang oleh segolongan kerabat-kerabat dirajanya akan mengalami kesulitan dalam mentadbirkan negeri. Sebagaimana yang telah disebut di atas persengketaan timbul disebabkan anak-anak raja Kelantan tidak mahu menerima kedaulatan kerajaan Tengku Mohamed dari Terengganu menjelang abad kesembilan belas. Kerabat-kerabat diraja Kelantan menganggap perlantikan Tengku Mohamed sebagai Yang Dipertuan Kelantan adalah sementara sahaja,<sup>7</sup> iaitu kira-kira seratus hari sahaja. Tetapi apabila Tengku Mohamed cuba memper-tetapkan kuasanya di Kelantan maka penentangan terhadapnya pun dilakukan oleh anak-anak raja Kelantan.

Tengku Mohamed telah dibantu oleh Sultan Terengganu dan Patani. Akhirnya pada tahun 1801 pihak Kelantan telah berjaya mengundurkan musuh-musuhnya dari Kelantan dan sejak itu bolehlah dikatakan Kelantan muncul bukan sahaja sebagai kuasa yang kuat tetapi bebas dari pengaruh kuasa Terengganu. Walau bagaimanapun ancaman serangan Terengganu masih wujud dan di awal abad kesembilan belas negeri Kelantan telah membuat perhubungan dengan Siam bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan

6. Lihat, Haji Nik Mahmud bin Ismail, *Ringkasan Cetera Kelantan*, Kota Baharu, 1934, ms. 27.

7. *Ibid.*, ms. 29.

kerajaannya daripada campurtangan Terengganu. Tetapi ternyata bahawa Kelantan seolah-olah terlepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya kerana Siam juga akhirnya campurtangan dalam politik Kelantan teristimewa di pertengahan kedua kurun kesembilan belas dan awal kurun ini.

Sungguhpun dapat dikatakan pemerintahan Sultan Muhammad I itu stabil dan makmur kerana kedaulatan diakui oleh kerabat-kerabat diraja tetapi di zaman pemerintahannya juga timbul beberapa gejala-gejala politik yang menjadi punca peperangan saudara selepas kemangkatannya. Nampaknya Long Jenal yang bergelar Raja Bendahara tidak puas hati dengan layanan Sultan terhadap putera Long Tan yang bernama Tuan Senik Mulut Merah. Sultan Muhammad I yang tidak mempunyai putera berhasrat menjadikan Tuan Senik sebagai penggantinya. Ura-ura ini telah ditentang oleh Long Jenal serta melakukan pengkhianatan dengan membunuh Long Tan. Perlu diingat bahawa dalam penentangan terhadap Tengku Mohamed menjelang kurun kesembilan belas Long Jenal merupakan penggerak utama di belakang Long Mamat. Jadi tidak hairanlah kiranya ia mempunyai cita-cita untuk menjadi Raja Kelantan. Sungguhpun Long Jenal telah dituduh dan didapati salah membunuh Long Tan dan dihukum perintah keluar negeri dari Kelantan tetapi setelah Sultan Muhammad I mangkat Long Jenal berjaya mempengaruhi kerabat-kerabat diraja Kelantan untuk melantiknya sebagai Yang Dipertuan Kelantan.

Pihak Tuan Senik tidak mahu mengakui kedaulatan Long Jenal dan peperangan meletus dalam

tahun 1838. Tuan Senik berjaya mengalahkan Long Jenal dengan bantuan Siam. Sungguhpun Tuan Senik telah dilantik sebagai Sultan Kelantan dan diiktiraf oleh Siam tetapi suatu perubahan dalam sistem politik negeri Kelantan yang jelas ialah perlantikan Tuan Kota sebagai Sultan Dewa. Konsep kerajaan Melayu tradisional yang biasanya meletakkan seorang pemerintah sahaja bergelar Sultan di sesebuah negeri tidak dapat menerima perlantikan seorang lagi bergelar Sultan. Konflik timbul di antara Sultan Kelantan dan Sultan Dewa walaupun sebelumnya mereka berganding bahu melawan Long Jenal. Huru-hara timbul di Kelantan kerana kedua-dua mereka cuba menjalankan kuatkuasa masing-masing sebagai pemerintah yang mutlak.

Setelah Sultan Dewa dibawa keluar dari Kelantan oleh Siam atas kerjasama dari Sultan Muhammad II dalam tahun 1842 maka negeri Kelantan mengalami kestabilan politik sehingga akhir kurun kesembilan belas. Sultan Muhammad II telah dapat memusatkan kuasanya dan menjalankan pemerintahan secara mutlak. Sultan memindahkan pusat pentadbirannya ke Kota Baharu dalam tahun 1844 serta memerintahkan semua pembesar-pembesar tinggal di pusat pemerintahan tidak lagi di jajahan-jajahan. Pemerintahan Sultan Muhammad II merupakan suatu contoh kerajaan mutlak yang berjalan mengikut ciri-ciri pemerintahan tradisional di samping melaksanakan hukum syarak.<sup>8</sup>

8. Gambaran tentang pemerintahan di negeri Kelantan di akhir kurun kesembilan belas dapat dibaca dalam tulisan Hugh Clifford, *Expedition: Trengganu and Kelantan, Report*, Kuala Lumpur, 1938, m.s. 125-129.







